

1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

LAPORAN EKONOMI 2012/2013





Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan

Malaysia terus menuju ke arah wawasan menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dalam ketidaktentuan persekitaran luar yang semakin mencabar pada tahun 2012. Prospek pertumbuhan ekonomi global masih tidak begitu menggalakkan disebabkan oleh krisis hutang berdaulat yang sedang dihadapi kawasan euro serta jangkakan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih perlahan. Kesan penularan perkembangan ini turut menggugat pertumbuhan ekonomi negara maju dan negara membangun pada kadar yang berbeza, melalui saluran perdagangan dan kewangan. Berdasarkan cabaran ini, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional (DTN) dalam Bajet 2012 yang menggabungkan pelbagai program transformasi yang berinovatif untuk memperkukuh permintaan domestik dan dijadikan sebagai panduan bagi negara mencapai misi pertumbuhan ekonomi yang berinklusif dan mampan. Pelaksanaan program di bawah DTN yang bertepatan pada masanya, termasuk projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan impak daripada sektor luar yang lebih lemah dan membolehkan negara mencatat kadar pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 5.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2012. Dengan program di bawah DTN sedang giat dilaksanakan dan hasil kemajuan kesan pengganda yang semakin jelas, ekonomi negara dijangka terus berkembang dalam tempoh separuh kedua 2012 dan seterusnya.

Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan yang merentasi semua program di bawah DTN bertujuan menyatu padu semua rakyat Malaysia dalam menghadapi segala cabaran yang mendatang. Program Transformasi Kerajaan (GTP), satu inisiatif di bawah DTN telah

dilancarkan untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam bagi memudahkan pencapaian sasaran di bawah tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan satu lagi usaha di bawah DTN yang menetapkan sasaran untuk pembangunan 12 NKEA bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Program Transformasi Politik (PTP) pula bertujuan mewujudkan situasi demokrasi yang berfungsi sepenuhnya dalam mengimbangi kepentingan keperluan keselamatan negara dan kebebasan individu dengan mengambil kira kepelbagaian ciri-ciri nasional yang kompleks dan ancaman keganasan global. Untuk memanfaatkan teknologi digital, Program Transformasi Digital atau Digital Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2011 sebagai satu pemboleh penting bagi mentransformasikan negara dengan lebih tertumpu kepada dua teras utama, iaitu produktiviti serta inovasi dan kreativiti. Satu lagi inisiatif baharu di bawah Bajet 2012 ialah Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang melengkapkan agenda transformasi nasional untuk kawasan luar bandar.

Selain daripada inisiatif transformasi dan penglibatan aktif sektor swasta dalam program sedemikian, kekukuhan asas ekonomi Malaysia telah meningkatkan daya tahan negara sebagai penampang terhadap sebarang kejutan lanjut dari sektor luar. Walaupun pertumbuhan ekonomi global terus mencabar, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5% pada tahun 2012, disokong terutamanya oleh perbelanjaan permintaan domestik. Dari sudut permintaan, aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta akan menyokong pertumbuhan, manakala pengembangan ekonomi dari sudut penawaran akan dipacu oleh peningkatan dalam teknologi dan produktiviti pekerja serta penggunaan



modal yang efisien. Dalam keadaan sektor luar yang dijangka semakin baik pada tahun 2013, ekonomi Malaysia diunjurkan mencatat kadar pertumbuhan antara 4.5% hingga 5.5% yang disokong terutamanya oleh kekuatan perbelanjaan permintaan domestik.

Penilaian Prestasi – 2012

Operasi Fiskal

Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang bersandarkan perdagangan, Malaysia terus terdedah kepada kesan ketidaktentuan dan cabaran ekonomi dunia. Oleh itu, beberapa inisiatif dasar fiskal telah digubal untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam tempoh yang terdekat, serta bagi menyokong transformasi ekonomi dalam jangka panjang. Sehubungan ini, Kerajaan masih berpegang pada komitmennya terhadap prinsip pengurusan kewangan yang berhemat dengan defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.5% pada tahun 2012, dengan nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 53.7%. Kedudukan hutang Kerajaan masih lagi mampan dengan defisit fiskal akan dibiayai terutamanya melalui sumber domestik. Memandangkan terdapatnya kedudukan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan, pinjaman kerajaan sedemikian dijangka tidak menjejaskan sumber pembiayaan yang diperlukan oleh sektor swasta.

Bagi keseluruhan tahun 2012, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka mencecah RM252.4 bilion (2011: RM229 bilion), iaitu 9.4% lebih tinggi daripada anggaran asal RM230.8 bilion. Peruntukan tambahan yang diperlukan ini merupakan pemberian wang tunai, baucar buku dan insentif kewangan kepada kumpulan sasar untuk mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup; bayaran subsidi; penambahbaikan skim gaji dan pelarasan elaun sara hidup untuk kakitangan awam; bayaran pencen; pampasan tol; utiliti dan penyelenggaraan am. Pertambahan komitmen perbelanjaan tersebut akan disokong oleh kutipan hasil yang menggalakkan dengan

jangkaan peningkatan sebanyak 11.8% kepada RM207.2 billion. Perbelanjaan mengurus pula lebih tertumpu kepada usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan dan kebajikan rakyat secara berterusan, manakala perbelanjaan pembangunan akan disalurkan kepada program dan projek yang pada keseluruhannya akan mempertingkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi serta kapasiti pengeluaran berproduktif jangka panjang. Dalam hal ini, kedudukan kewangan awam akan diperkukuh melalui pelbagai langkah untuk memastikan pengurusan fiskal yang mampan serta menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelabur.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan kewangan awam kekal kukuh. Semua program dan projek yang dilaksanakan telah diteliti dan dinilai dengan jitu agar semua perbelanjaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Sehubungan ini, pendekatan *two-year rolling plan* telah diperkenalkan bagi memberikan fleksibiliti dalam pengurusan perbelanjaan. Melalui perancangan ini, Kerajaan mempunyai ruang yang secukupnya untuk mengkaji semula dasar dan keutamaan bagi menghadapi persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, di samping mengekalkan kedudukan makroekonomi yang stabil. Pelaksanaan projek dipantau dengan rapi supaya siap dilaksana mengikut jadual, manakala penyertaan Kerajaan dalam kegiatan ekonomi berkurang secara sistematik bagi menarik lebih banyak penglibatan sektor swasta. Peraturan pentadbiran, undang-undang dan prosedur diperkemas secara berkala bagi menambah baik lagi penyampaian perkhidmatan dan iklim pelaburan serta pengawalan kos. Seterusnya, hasil penemuan daripada laporan Ketua Audit Negara telah diambil kira untuk mengukuhkan lagi pengurusan serta meningkatkan akauntabiliti, terutamanya dalam perolehan. Kerajaan juga komited kepada amalan pembidaan kompetitif dalam perolehan barangan dan perkhidmatan bukan strategik bagi menjamin ketelusan serta menekankan kepentingan nilai untuk wang. Syarikat milik Kerajaan pula tertakluk kepada kawalan pemantauan yang rapi untuk memastikan mereka kekal berdaya maju, di samping mencapai objektif strategik.



Perbelanjaan mengurus akan dikawal melalui potongan ke atas perbelanjaan berpilihan yang kurang perlu, tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan. Saiz perkhidmatan awam akan dikawal melalui pengauditan jawatan; penempatan semula kakitangan yang berlebihan; peningkatan kerjasama antara agensi dengan lebih erat, dan penggunaan teknologi maklumat (IT) yang lebih komprehensif dalam penyampaian dan penilaian perkhidmatan awam yang berkesan. Dalam jangka sederhana, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan untuk menambah baik kedudukan fiskal yang mampan, termasuk melaksana perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan; menerima pakai bajet berasaskan *outcome* dan merasionalisasi insentif fiskal yang diberikan kepada industri. Rasionalisasi subsidi akan terus dilaksanakan secara holistik dan mengikut sasaran dengan mengambil kira pelbagai program bantuan sosial yang disediakan oleh agensi Kerajaan. Pendekatan yang komprehensif juga sedang dipertimbangkan untuk mengurus obligasi Kerajaan dengan lebih baik yang mempunyai implikasi fiskal jangka panjang. Antara perkara yang sedang diteliti dengan sepenuhnya adalah strategi pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan; liabiliti pencen; pengurusan dana pinjaman perumahan bagi kakitangan awam dan tabung pinjaman bagi pelajar pendidikan tinggi.

Dalam meningkatkan hasil Kerajaan, beberapa langkah sedang dilaksanakan, termasuk pengewangan aset melalui penjualan langsung, pajakan atau pembangunan secara usaha sama; peningkatan kecekapan pentadbiran dan pematuhan cukai melalui penggunaan IT secara bersepadu, serta perluasan skop audit percukaian, penyiasatan dan penguatkuasaan. Sehubungan ini, program bina upaya kakitangan percukaian terus dipertingkatkan manakala orang awam turut dilibatkan secara konstruktif untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab percukaian. Langkah komprehensif yang diamalkan oleh Kerajaan dalam memantapkan kedudukan kewangan akan menjamin kedudukan fiskal yang mampan dalam jangka panjang, di samping memberikan fleksibiliti yang secukupnya untuk memenuhi komitmen baharu dan menghadapi cabaran luar jangka pada sepanjang tahun.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 lebih tertumpu kepada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, memastikan kestabilan harga serta mengelak daripada berlakunya pasaran kewangan yang semakin tidak seimbang. Dengan mengambil kira perkembangan luar dan dalam negeri yang tidak menentu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00% dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada 4.00%.

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun terdapat ketidaktentuan dan turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa serta pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin lemah. Keadaan yang menggalakkan ini adalah hasil daripada keutuhan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang membawa kepada prestasi kewangan dan kualiti aset yang teguh serta kedudukan mudah tunai yang mantap. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, pembiayaan melalui sistem perbankan kekal kukuh dengan permohonan pinjaman meningkat 10% dan pengeluaran pinjaman sebanyak 20.9%. Pada akhir Julai 2012, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) berada pada paras 14.4%, manakala nisbah modal teras (CCR) pada 12.7%. Kedua-dua nisbah ini adalah jauh melebihi peraturan minimum semasa.

Malaysia kekal sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia yang mencakupi 71% daripada terbitan sukuk global dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Pencapaian ini adalah termasuk sukuk tunggal terbesar di dunia bernilai RM30.6 bilion yang diterbitkan oleh PLUS Berhad pada bulan Januari. Jumlah aset perbankan Islam berkembang 20.6% kepada RM469.5 bilion pada akhir Julai 2012. Satu inisiatif perintis melalui usaha sama sebuah syarikat pengurusan dana Islam Malaysia dengan sebuah entiti asing telah diwujudkan dengan pelancaran tiga dana ekuiti yang mematuhi *Undertakings for Collective Investment in Transferable Securities (UCITS)* dan Syariah. Pelancaran dana tersebut menandakan satu lagi pencapaian penting dalam



usaha untuk memperdalam, memperluas dan mengantarabangsakan lagi pasaran modal Islam. Dana yang mematuhi UCITS ini boleh diagihkan dalam kalangan negara ahli Kesatuan Eropah tanpa sebarang kebenaran tambahan.

Pencapaian Strategik Bajet 2012

Bajet 2012 yang bertemakan “Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara” dengan jelasnya mencerminkan komitmen jitu Kerajaan dalam memastikan pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bajet ini telah memberi penekanan kepada lima fokus utama, iaitu meligat pelaburan; mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi; program transformasi luar bandar; memperkejar perkhidmatan awam; serta meredakan inflasi dan mengimarah kehidupan rakyat. Beberapa projek di bawah Bajet 2012 telah dan sedang dilaksanakan sementara inisiatif lain sedang berjalan seperti dijadualkan.

Fokus Pertama: Meligat Pelaburan

Perbelanjaan pembentukan modal tetap kasar merupakan komponen penting bagi meningkatkan potensi output negara dan menampung permintaan keseluruhan ekonomi. Memandangkan kepada kepentingannya, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa strategi baharu untuk meligat pelaburan, termasuk meliberalisasi subsektor perkhidmatan, memperkukuh kerjasama sektor swasta dan awam, merencanakan pembangunan koridor dan memberi lebih tumpuan kepada bidang khusus ekonomi. Berikutan pelaksanaan langkah tersebut, jumlah pelaburan telah meningkat 21.3% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 6%) diterajui oleh peningkatan pelaburan sektor swasta benar sebanyak 22.4%.

Meliberalisasi Subsektor Perkhidmatan

Di bawah DTN, sektor perkhidmatan dijangka memacu ekonomi ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pada

tahun 2011, sektor ini menyumbang 54.2% kepada KDNK dan 53.4% keseluruhan pekerjaan. Bagi mengukuhkan lagi sektor tersebut, Kerajaan telah mengumumkan liberalisasi tambahan 17 subsektor perkhidmatan untuk dilaksanakan pada tahun 2012. Sehingga akhir Jun 2012, 10 subsektor telah dibuka untuk pemilikan ekuiti asing 100% sepenuhnya. Subsektor tersebut adalah telekomunikasi bagi kategori pembekal perkhidmatan aplikasi; sekolah teknik dan vokasional; sekolah teknik dan vokasional bagi pelajar dengan kelainan upaya; serta hospital swasta dan sekolah antarabangsa. Subsektor lain adalah pasar raya dan kedai *speciality*; perkhidmatan insinerasi; perkhidmatan perakaunan dan percukaian; pusat latihan kemahiran; dan perkhidmatan kurier. Sebanyak tujuh lagi subsektor¹ akan diliberalisasi secara berperingkat. Proses liberalisasi kesemua 17 subsektor tersebut akan selesai dilaksanakan sehingga akhir tahun 2012 bersekali dengan satu subsektor tambahan, iaitu perkhidmatan juruukur bahan. Inisiatif liberalisasi ini dijangka menggalakkan lagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Rolling Plan Kedua

Tahun 2012 menandakan permulaan *rolling plan* kedua (RP2) di bawah RMKe-10. RP2 memberi tumpuan kepada projek pembangunan berimpak tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Antara projek di bawah RP2 adalah projek landasan berkembar Gemas – Johor Bahru yang dijangka akan dilancarkan akhir tahun 2012. Projek yang lain adalah Lebuh raya Pantai Timur Jabor – Kuala Terengganu, (Terengganu) sepanjang 184 kilometer (km) dijangka siap menjelang tahun 2014 manakala Jalan Segamat – Tangkak (Johor), Jalan Central Spine (Kelantan – Pahang) dan Jalan Kota Marudu Ranau (Sabah) dijangka siap menjelang tahun 2015. Di samping itu, berikutan pemindahan pangkalan tentera dan polis sedia ada, pembangunan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur di Sungai Besi yang dijangka bermula pada akhir tahun 2012 akan mengubah kawasan tersebut kepada bandar yang moden dan aktif. Sejumlah RM2.5 bilion telah diperuntukkan bagi Dana Memudahkan Kerjasama Awam-Swasta

1 Subsektor tersebut adalah perkhidmatan guaman; telekomunikasi untuk kategori lesen pembekal kemudahan rangkaian dan pembekal perkhidmatan rangkaian; universiti swasta; perkhidmatan pakar perubatan; perkhidmatan pakar pergigian; perkhidmatan arkitek; dan perkhidmatan kejuruteraan.



(PPP) sebagai *tipping point* bagi membantu sektor swasta melaksanakan projek strategik bernilai tinggi. Sehingga akhir Ogos 2012, sejumlah RM1.8 bilion telah dibelanjakan bagi beberapa projek, termasuk Taman Teknologi Tinggi Kuantan Pahang, Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah dan Pusat Beli-Belah Plaza Merdeka di Kuching, Sarawak. Projek ini dijangka meningkatkan lagi aktiviti pelaburan swasta.

Pembangunan Wilayah Koridor

Seiring dengan komitmen Kerajaan untuk mengambil peluang kelebihan perbandingan pelbagai wilayah, Bajet 2012 telah memperuntukkan RM978 juta bagi merencanakan pembangunan lima koridor pertumbuhan di dalam negara. **Iskandar Malaysia** telah diperuntukkan dengan RM308.5 juta bagi pembinaan lebuh raya dan persimpangan bertingkat. Sehubungan ini, pembinaan projek Lebuh raya Persisir Pantai sepanjang 14.5 km dengan kos RM69 juta telah selesai pada April 2012. Lebuh raya ini telah mengurangkan waktu perjalanan antara Johor Bahru, Lapangan Terbang Senai dan Singapura ke Nusajaya selama 15 minit. Sebagai tambahan, Kolej Malborough telah menerima kemasukan kumpulan pertama pelajar pada Ogos 2012, sementara Taman Tema Legoland dan Lifestyle Retail Mall telah mula beroperasi pada September 2012.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah diperuntukkan RM51.6 juta bagi melaksanakan 20 inisiatif, termasuk pembangunan Taman Teknologi Tinggi Kulim, Zon Industri Pauh dan Kompleks Akuakultur Selinsing. Daripada jumlah ini, RM10.5 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf infrastruktur Taman Teknologi Tinggi Kulim dan projek ini dijangka selesai menjelang tahun 2013. Di samping itu, beberapa inisiatif yang diterajui sektor swasta sedang dalam pelaksanaan, termasuk projek *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST), Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. dan Panasonic Solar.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menerima peruntukan RM349.6 juta dalam Bajet 2012. Sejumlah RM13.5 juta telah diperuntukkan bagi projek berkaitan pelancongan di Taman Negara Endau – Rompin dan Taman Negeri Tasik Chini serta Pelancongan Warisan di Pekan, Pahang. Tambahan sejumlah RM44.7 juta telah diperuntukkan untuk projek pertanian termasuk Taman Perikanan Bersepadu di Tok Bali, Kelantan, Pembangunan Ladang Nenas Bersepadu di Rompin, Pahang serta Pusat Pemasaran dan Pengeluaran Benih Ikan Marin dan Udang di Merchong, Pahang. Tambahan pula, dalam tempoh separuh pertama 2012, ECER telah menarik pelaburan bernilai RM10.8 bilion dalam sektor pembuatan serta subsektor pelancongan, akuakultur dan pendidikan. Antara pelaburan utama adalah pusat peranginan bersepadu ekopelancongan di Mersing, Johor, pusat peranginan pelancongan bersepadu di Cherating dan kilang gelatin halal di Taman Halal Gambang, Pahang.

Sejumlah RM62.3 juta telah diperuntukkan kepada **Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)** bagi membiayai beberapa projek, termasuk mereka bentuk jalan masuk dan jalan dalam ke Hab Halal Tanjung Manis, bekalan air di Samalaju dan kajian kebolehlaksanaan untuk Taman Sains di Mukah. Reka bentuk jalan masuk ke Hab Halal Tanjung Manis akan selesai pada Oktober 2012. Projek bekalan air di Samalaju dijangka selesai menjelang suku kedua 2013 dan akan dapat menampung permintaan harian bagi air sebanyak 90 juta liter. **Koridor Pembangunan Sabah (SDC)** pula telah diperuntukkan sejumlah RM207 juta bagi melaksana beberapa projek infrastruktur dan pertanian. Projek infrastruktur bagi Fasa 3A Kluster Industri Kelapa Sawit di Lahad Datu dijangka selesai menjelang November 2012 dan memberi manfaat kepada lebih 30 syarikat di dalam kawasan industri. Pada masa yang sama, Pusat Penternakan Bersepadu Keningau dijangka siap menjelang Januari 2013. Apabila selesai, pusat ini mampu menghasilkan enam juta liter susu setahun. Kerja pembinaan bagi Pusat Inkubator Kandungan Kreatif Sabah akan selesai menjelang hujung tahun ini. Pusat



ini akan menyediakan latihan untuk memenuhi permintaan bagi juruanimasi dan pereka bentuk dalam industri kreatif.

Tun Razak Exchange

Dalam usaha mengetengahkan Kuala Lumpur sebagai pusat global kewangan, perdagangan dan perkhidmatan antarabangsa, Kerajaan telah melancarkan Tun Razak Exchange (TRX) pada 30 Julai 2012. Projek seluas 28.3 hektar, sebelum ini dikenali sebagai Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, dijangka menarik lebih 250 syarikat terkemuka dunia untuk beroperasi di TRX. Setelah siap dilaksanakan, projek tersebut akan mewujudkan kira-kira 500,000 pekerjaan termasuk 40,000 jawatan pekerja berpengetahuan terutamanya dalam perkhidmatan kewangan. Pelan induk terperinci TRX telah siap digubal pada 19 Mac 2012 dan kerja tanah bagi Fasa 1 projek tersebut dijangka bermula hujung tahun dan siap menjelang tahun 2016.

Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Berhad

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) telah berjaya disenaraikan di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012. Penyenaraian ini merupakan tawaran awam permulaan yang terbesar di Asia dan kedua terbesar di dunia setakat Julai 2012, menempatkan kembali Malaysia dalam radar pelabur global. Berikutan penyenaraian tersebut, FGVH telah muncul sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia dan pengendali minyak sawit ketiga terbesar yang disenaraikan di peringkat global. Sebagai mengiktiraf sumbangan peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dalam pembangunan industri minyak sawit negara dan bersempena penyenaraian FGVH, Kerajaan telah mengumumkan ganjaran sebanyak RM15,000 bagi setiap peneroka. Langkah ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.6 bilion yang akan memanfaatkan 112,635 peneroka di seluruh negara. Pada Mei 2012, sejumlah RM5,000 telah diagihkan kepada setiap peneroka, manakala pada bulan Ogos 2012 yang lalu sejumlah RM5,000 lagi telah diagihkan kepada pasangan peneroka. Jumlah selebihnya akan diagihkan kepada anak-anak peneroka pada bulan Oktober 2012.

Mempergiat Aktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana

Dengan matlamat untuk memperkukuh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Kerajaan telah melancarkan satu skim Dana Pembiayaan PKS patuh Syariah berjumlah RM2 bilion. Skim ini diuruskan oleh 13 institusi perbankan Islam dengan Kerajaan menyediakan sebanyak 2% rebat keuntungan. Pada akhir Ogos 2012, sejumlah 13 permohonan bernilai RM25.7 juta telah diluluskan oleh bank yang terlibat. Penubuhan SME Revitalisation Fund adalah satu lagi inisiatif bagi membantu usahawan yang mempunyai kapasiti dan potensi untuk mengekalkan perniagaan mereka. Kerajaan juga telah mewujudkan Dana Kecemasan PKS berjumlah RM10 juta untuk membantu PKS yang terjejas disebabkan bencana alam. Dana ini disalurkan melalui Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) bagi menyediakan pinjaman mudah sehingga maksimum sebanyak RM100,000 kepada PKS yang terjejas.

Menggalakkan Sektor Pelancongan

Untuk merancakkan lagi industri pelancongan dan menggalakkan perbelanjaan pelancong, Blueprint Pelancongan Langkawi (2011 – 2015) telah dilancarkan pada 8 Disember 2011. Blueprint ini menyediakan pelan tindakan bagi pembangunan semula Pulau Langkawi supaya menjadi antara 10 pulau dan destinasi ekopelancongan terbaik dunia menjelang tahun 2015. Sehubungan ini, sejumlah RM111 juta telah diperuntukkan di bawah Bajet 2012 untuk pelbagai projek, termasuk menaik taraf tapak ikonik Geopark di Kilim, Pulau Dayang Bunting dan Telaga Tujuh; penambahbaikan Laman Padi dan Makam Mahsuri sebagai muzium hidup; menaik taraf Jeti Kuah serta pembangunan semula Kolej Komuniti Langkawi sebagai akademi pelancongan. Di samping itu, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah dikorporatkan pada Oktober 2011 untuk mempromosi dan membangunkan Malaysia sebagai destinasi utama bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di rantau ini.



Fokus Kedua: Mengungguli Modal Insan, Mencerna Kreativiti Dan Mencetus Inovasi

Dengan kepantasan penyebaran pengetahuan dan pembukaan pasaran ke seluruh dunia, persaingan Malaysia dengan negara membangun yang lain menjadi bertambah sengit. Untuk membolehkan negara terus meningkatkan daya saing dan mengekalkan pembangunan ekonomi, ekosistem yang kondusif bagi kecemerlangan modal insan yang mempunyai kreativiti dan berinovatif adalah penting. Bagi mencapai matlamat ini dalam jangka panjang, Bajet 2012 telah memperkenalkan beberapa inisiatif strategik.

Gerakan Inovasi Nasional

Untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya sains dan inovasi di kalangan rakyat, tahun 2012 telah diumumkan sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional. Bagi menjayakan hasrat ini, pelbagai program seperti Karnival Sains dan Inovasi serta Jejak Inovasi telah dilaksanakan di seluruh negara. Bagi menggalakkan pencetusan idea baharu dan pengkomersilan produk inovasi, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah mengenal pasti sebanyak 260 produk dengan 14 daripadanya telah terpilih untuk proses inkubasi dan pengkomersilan.

Sokongan daripada ekosistem pembiayaan merupakan pra-syarat untuk mempercepatkan pengkomersilan produk penyelidikan. Sehubungan ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM30 juta di bawah *Market Validation Fund* yang diuruskan oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia. Sehingga Julai 2012, sejumlah 358 produk daripada tujuh buah universiti telah dikenal pasti untuk menjalani proses pengesahan pasaran, dan 27 daripadanya berada dalam pelbagai peringkat pengkomersilan. Selain daripada itu, Dana Inovasi Pengkomersilan Patuh Syariah telah dilancarkan pada Mei 2012 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Dana ini disediakan oleh bank Islam terpilih mulai Julai 2012.

Forum Asian Business Angel 2012 yang merupakan sebuah platform bagi mewujudkan rangkaian pelabur budiman, pembiaya dan usahawan telah diadakan pada Mei 2012 di Kuala Lumpur. Forum tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 500 delegasi tempatan dan antarabangsa, termasuk pelabur korporat. Inisiatif lain yang dilaksanakan ialah *World Innovation Forum* dan *National Innovation Conference and Exhibition* yang akan diadakan serentak pada 1 hingga 7 November 2012 di Kuala Lumpur. Semasa forum tersebut, reka cipta pelajar dan belia yang paling inovatif akan menerima Anugerah Cipta 1Malaysia (C1PTA). Sehingga kini, idea inovasi rakyat diberi pengiktirafan dalam pelbagai bentuk anugerah, termasuk Anugerah Inovasi Negara, Anugerah Inovasi Perdana Menteri, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam dan Anugerah Saintis Muda Negara.

Memantapkan Pembangunan Pendidikan

Sektor pendidikan telah diberikan peruntukan sebanyak RM50.4 bilion pada tahun 2012 untuk melahirkan pelajar berbakat, kreatif dan inovatif serta bagi tujuan pembayaran emolumen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.6 bilion telah diperuntukkan untuk pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan kemudahan sekolah serta projek bukan fizikal seperti sistem komputer, perabot dan kelengkapan lain. Peruntukan tersebut melibatkan sejumlah 1,969 projek dengan 523 daripadanya telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion. Bagi memenuhi keperluan mendesak sekolah awam, Kerajaan juga telah mewujudkan Tabung Khas dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion. Daripada peruntukan tersebut, RM100 juta diberikan kepada setiap jenis sekolah iaitu 822 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 224 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, 428 Sekolah Mubaligh, 167 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan 32 Maktab Rendah Sains MARA. Baki RM500 juta diberikan kepada 1,757 Sekolah Kerajaan.

Untuk membolehkan setiap rakyat tanpa mengira latar belakang dan taraf sosioekonomi mendapat akses kepada pendidikan berkualiti, Kerajaan telah memansuhkan semua yuran persekolahan



dan menanggung kos premium insurans semua pelajar di sekolah pembiayaan Kerajaan. Inisiatif ini melibatkan peruntukan RM150 juta yang memberi manfaat kepada lebih 5.3 juta pelajar di seluruh negara. Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif fiskal kepada sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran. Insentif ini akan terus memudahkan penyediaan pendidikan berkualiti di 349 sekolah swasta di negara ini.

Untuk menambah baik lagi sistem pendidikan negara, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada 11 September 2012. Pelan tindakan tersebut mengandungi pandangan, cadangan dan maklum balas ke atas 11 bidang keutamaan, antaranya guru; pemimpin sekolah; kualiti sekolah; penguasaan pelbagai bahasa; peranan ibu bapa dan masyarakat; keberkesanan sumber dan perkongsian maklumat; serta struktur pentadbiran Kementerian Pelajaran. Pelan tindakan tersebut akan dilaksanakan dalam tiga peringkat sepanjang tempoh 13 tahun. Peringkat pertama akan dilaksanakan mulai 2013 hingga 2015 yang akan memberi keutamaan kepada bidang berimpak tinggi tanpa mengubah struktur sistem pendidikan negara.

Pembangunan Modal Insan

Kerajaan terus menggalakkan sektor swasta supaya menjalankan program latihan amali berstruktur kepada mahasiswa untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sebelum memasuki pasaran pekerjaan. Sehubungan ini, Bajet 2012 telah memberikan insentif potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat dalam melaksanakan program latihan. Insentif tersebut berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 hingga 2016. Pada masa yang sama, perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi menyertai pameran kerjaya di luar negara juga diberikan potongan cukai dua kali. Dalam hal ini, TalentCorp telah menganjurkan beberapa siri program jangkauan antarabangsa dan sesi perjumpaan dengan penuntut Malaysia di lebih 30 bandar di 12 negara, termasuk United Kingdom (UK), Jepun dan Emiriah Arab Bersatu

(UAE). Sehingga Ogos 2012, lebih 100 syarikat tempatan telah menyertai pameran kerjaya secara fizikal dan maya tersebut yang melibatkan lebih 3,000 pelajar dan 2,000 profesional Malaysia. Selain daripada itu, syarikat swasta juga layak mendapat potongan cukai dua kali bagi pemberian biasiswa bagi tahun taksiran 2012 hingga 2016.

Fokus Ketiga: Program Transformasi Luar Bandar

RTP diperkenalkan dalam Bajet 2012 dan program ini merupakan satu lagi inisiatif di bawah DTN untuk mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Program ini berhasrat untuk menarik pelaburan, mewujudkan aktiviti ekonomi serta membuka peluang untuk generasi muda kembali, menetap dan bekerja di kawasan luar bandar. Melalui RTP, rakyat di kawasan luar bandar akan terus mendapat manfaat daripada agenda transformasi negara. Pada masa ini, beberapa inisiatif di bawah RTP sedang dalam pelaksanaan.

Transformasi Luar Bandar Menyeluruh

Bajet 2012 memperuntukkan sejumlah RM30 juta untuk penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) bagi mengintegrasikan perkhidmatan, termasuk mengumpul, memproses dan mengedar produk pertanian; perbankan dan insurans serta khidmat nasihat perniagaan; latihan dan kemahiran; dan menyediakan klinik dan ruang perniagaan. Sehingga Ogos 2012, sebanyak dua RTC telah ditubuhkan, iaitu satu di Gopeng, Perak dan satu lagi di Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu, beberapa Mini RTC juga telah ditubuhkan pada tahun 2012.

Untuk menggalakkan golongan profesional membuka firma di bandar kecil, Tabung Perkhidmatan Profesional dengan peruntukan sebanyak RM100 juta telah ditubuhkan pada April 2012. Di bawah dana ini, Bank Simpanan Nasional (BSN) menyediakan pinjaman mudah kepada golongan profesional pada kadar faedah 4%. Kini, skim ini boleh dipohon di semua cawangan BSN di seluruh negara. Kerajaan



telah memperuntukkan RM110 juta lagi untuk Program Lonjakan Mega Luar Bandar bagi 11 projek agropolitan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan penanaman tanaman komoditi, seperti kelapa sawit dan getah, dan tanaman kontan serta pembiakan akuakultur. Sehingga kini, RM49.8 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut yang memanfaatkan 3,470 petani. Pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah diperuntukkan RM140 juta untuk melaksanakan program penanaman baharu getah dan program tanam semula getah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, seluas 1,578 hektar tanah telah ditanam dengan pokok getah manakala 23,147 hektar kawasan kelapa sawit telah ditanam semula dengan pokok getah. Sebanyak 15,255 pekebun kecil telah mendapat manfaat daripada program ini.

Infrastruktur Asas Luar Bandar

Sejumlah RM5 bilion telah diperuntukkan untuk mengukuhkan infrastruktur asas luar bandar. Daripada jumlah ini, RM1.8 bilion telah diperuntukkan bagi Program Jalan Luar Bandar dan Projek Jalan Perhubungan Desa. Di bawah program ini, rangkaian jalan sepanjang 1,350 km akan dibina di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sehingga akhir Jun 2012, sebanyak RM668 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan jalan sepanjang 385 km di Semenanjung, 152 km di Sabah dan 183 km di Sarawak. Sebanyak RM2.1 bilion lagi telah disediakan bagi memperluas liputan bekalan air bersih kepada lebih 200,000 rumah di kawasan pedalaman, khususnya di Sabah dan Sarawak. Sehingga Jun 2012, sejumlah RM1.2 bilion telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 54,262 isi rumah. Sebanyak RM1.1 bilion lagi telah diperuntukkan bagi penyediaan bekalan elektrik dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM590 juta telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 9,640 rumah di kawasan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak. Sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012 untuk memperluas penggunaan kaedah tadahan air hujan di Sabah. Sejumlah 38,460 ketua isi rumah telah mendapat manfaat daripada inisiatif

ini. Untuk menangani kekurangan bekalan air bersih di estet, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk penyambungan dari estet ke paip utama. Fasa pertama yang meliputi 41 estet dengan kos sebanyak RM33.6 juta telah dilancarkan di Ladang Sri Gading, Batu Pahat, Johor pada 24 Jun 2012.

Perkhidmatan Perbankan Di Luar Bandar

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kemudahan dan jangkauan kepada semua warganegara, termasuk yang berpendapatan rendah dan penduduk luar bandar, BSN telah diamanahkan untuk melantik 5,000 ejen di kawasan luar bandar di seluruh negara dalam tempoh tiga tahun akan datang. Kini, sejumlah 2,017 pengendali runcit bukan bank telah dilantik sebagai ejen untuk menyampaikan perkhidmatan perbankan asas. Antara pengendali bukan bank yang menyediakan perkhidmatan perbankan ejen adalah pasar mini, syarikat telekomunikasi, agensi insuran dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Pada Ogos 2012, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Perbankan Ejen kepada institusi kewangan bagi memastikan perbankan ejen dilakukan secara selamat dan diyakini. Panduan tersebut menggariskan keperluan yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan dalam bidang tadbir urus dan pemantauan; pengurusan ejen; serta perlindungan, kesedaran dan pendidikan pelanggan.

Fokus Keempat: Memperkejap Perkhidmatan Awam

Sektor awam yang dinamik, responsif dan berteraskan kecemerlangan merupakan satu kemestian bagi negara untuk mencapai wawasan ekonomi maju berpendapatan tinggi. Penjawat awam, sebagai tulang belakang jentera Kerajaan, terus memainkan peranan penting dalam memudahkan pencapaian sasaran DTN, terutamanya GTP. Sebagai mengiktiraf serta meningkatkan lagi produktiviti dan kesejahteraan penjawat awam, Kerajaan telah melaksana beberapa langkah dalam Bajet 2012.



Program Transformasi Kerajaan – Status Kemajuan

Pengenalan

Program Transformasi Kerajaan (GTP), merupakan komponen penting dalam Dasar Transformasi Nasional (DTN), telah dilancarkan pada 28 Januari 2010 untuk menangani masalah utama rakyat dalam hal penyediaan perkhidmatan awam. Sebelum pelancarannya, Kerajaan telah melibatkan rakyat bagi mendapatkan input melalui pelbagai saluran inovatif, termasuk kaji selidik di seluruh negara, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) serta maklum balas atas talian. Kaji selidik dan maklum balas telah dinilai dan isu yang paling menjadi keutamaan telah dilaksanakan di bawah enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pada Julai 2011, NKRA ketujuh telah diumumkan bagi menangani kesan kenaikan kos sara hidup rakyat. Kemajuan yang ketara di bawah NKRA dapat dilihat melalui pencapaian Indeks Prestasi Utama Negara. Senarai penuh sasaran dan pencapaian dapat dilihat di www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2011.

GTP 2.0

Memandangkan GTP 1.0 telah berjaya dalam agendanya mengurangkan kebimbangan rakyat, GTP 2.0 yang meliputi tempoh 2013 hingga 2015 akan memberi tumpuan kepada lapisan masyarakat yang lebih luas serta memanfaatkan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat sebagai rakan strategik dalam penyediaan perkhidmatannya. Kesemua tujuh NKRA yang sedia ada akan terus menyediakan rangka kerja untuk mencipta dan menyelusuri lebih banyak lagi kejayaan. Setiap kementerian telah mengenal pasti pelbagai matlamat baharu selari dengan aspirasi DTN. Inisiatif dalam GTP 2.0 adalah beberapa hasil penglibatan meluas semua pihak dalam memastikan pelan transformasi lebih menyeluruh. Proses usaha sama dalam penggubalan dan pelaksanaan halatuju GTP 2.0 termasuk:

- Proses makmal - Sesi intensif selama enam minggu di dalam makmal untuk pihak berkepentingan berbincang idea terbaik yang selari dengan tema keseluruhan GTP;
- Penglibatan awam – Penglibatan dengan orang awam untuk mendapatkan input dan maklum balas bagi inisiatif GTP;
- Bengkel Hari Kabinet - YAB Perdana Menteri dan Jemaah Menteri telah diberi taklimat mengenai tanggungjawab dan peranan masing-masing bagi tempoh tiga tahun akan datang; dan
- Hari Terbuka - Penglibatan awam bersama rakyat diadakan pada bulan Julai dan Ogos 2012 di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching bagi menyebarkan maklumat mengenai GTP.

Hari Terbuka Halatuju GTP 2.0 telah diadakan pada 24 Julai 2012 di Kuala Lumpur, pada 10 Ogos 2012 di Kuching, Sarawak dan pada 14 Ogos 2012 di Kota Kinabalu, Sabah. Hari Terbuka Halatuju GTP 2.0 ini menyediakan rakyat butiran mengenai sasaran, penyampaian dan inisiatif untuk fasa seterusnya dalam GTP. Hari terbuka ini juga adalah peluang bagi Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas, idea dan pendapat secara terus daripada orang awam. Proses konsultasi yang meluas ini akan diteruskan dengan pelaksanaan GTP 2.0 melalui sesi penglibatan bersama rakyat. Sesi ini juga akan memastikan bahawa GTP 2.0 bukan sahaja mensasarkan inisiatif berimpak tinggi, tetapi agensi yang berkenaan akan bertanggungjawab di dalam kejayaan penyampaiannya bagi tempoh tiga tahun akan datang.




JADUAL 1

GTP 1.0 – Ringkasan Penting

Bidang Keberhasilan Utama Negara	Program Transformasi Kerajaan 1.0		
	Senarai Terpilih Petunjuk Prestasi Utama Negara	2011 Sasaran	2011 Sebenar
Mengurangkan Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan Meningkatkan jumlah kes tangkapan dibawa ke muka pengadilan 	<ul style="list-style-type: none"> 5%; 40% 20% 	<ul style="list-style-type: none"> 11.1%; 39.7% 23.4%
Membanteras Rasuah	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kementerian mencatat skor melebihi 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan Skor Indeks Persepsi Rasuah, Transpency International (TI) 	<ul style="list-style-type: none"> 19 4.9 	<ul style="list-style-type: none"> 18 4.3
Meningkatkan Pencapaian Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> Kadar enrolmen prasekolah Kohort 1 (Pelajar Tahap 1) – Kadar literasi; Kadar numerasi Kohort 2 (Pelajar Tahap 2) – Kadar literasi; Kadar numerasi 	<ul style="list-style-type: none"> 80% 95%; 95% 90%; 90% 	<ul style="list-style-type: none"> 77.23% 97.5%; 98.6% 91.0%; 95.4%
Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan isi rumah miskin dalam Program 1AZAM Memajukan usahawan wanita Membaik pulih rumah terbengkalai dan membina Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> 57,793 1,000 4,965 	<ul style="list-style-type: none"> 63,147 1,100 4,865
Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan jalan raya (km) Bekalan air bersih (Jumlah isi rumah) Bekalan elektrik (Jumlah isi rumah) Pembinaan rumah (unit) 	<ul style="list-style-type: none"> 905 58,087 26,882 9,146 	<ul style="list-style-type: none"> 1,013 73,227 27,004 14,365
Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Nisbah mod penggunaan pengangkutan awam Tinjauan Kepuasan Pelanggan Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi 	<ul style="list-style-type: none"> 21% 50% 346,184 	<ul style="list-style-type: none"> 16.42% 53% 321,487
Menangani Kos Sara Hidup Rakyat	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) Bantuan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M) 	<ul style="list-style-type: none"> Isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah 1.3 juta pelajar peringkat universiti 	<ul style="list-style-type: none"> RM2.2 bilion telah disediakan kepada 4.3 juta isi rumah RM545 juta telah disediakan kepada 5.45 juta pelajar RM244 juta telah disediakan kepada 1.2 juta pelajar



CARTA 1
GTP 2.0 - Ringkasan Penting



Kesimpulan

Melalui GTP 1.0, Kerajaan telah mengotakan janjinya untuk mengurangkan kebimbangan utama rakyat. Kejayaan GTP sebahagian besarnya adalah hasil daripada komitmen dan dedikasi perkhidmatan awam. Dengan GTP 1.0 diterima baik oleh rakyat, Kerajaan berazam untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat. Dalam hal ini, GTP 2.0 direka untuk kejayaan yang lebih besar dalam menyelesaikan isu utama dengan memperkenalkan beberapa inisiatif baharu bagi terus meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan sekali lagi akan memberikan sepenuh komitmen dan dedikasi dalam memenuhi semua janji-janjinya kepada rakyat.



Penambahbaikan kepada Syarat-syarat Pekerjaan

Bermula dari 1 Januari 2012, pekerja sektor awam telah menerima kenaikan gaji antara 7% hingga 13%. Langkah ini melibatkan peruntukan sebanyak RM6.1 bilion. Tambahan lagi, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013, semua pesara kerajaan layak mendapat kenaikan pencen tahunan sebanyak 2%. Kenaikan ini melibatkan tambahan peruntukan kira-kira RM200 juta pada tahun pertama pelaksanaannya. Di samping itu, umur persaraan kakitangan awam juga dilanjutkan daripada 58 kepada 60 tahun untuk memanfaatkan kepakaran dan kemahiran kakitangan yang berpengalaman. Langkah ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012.

Pada Ogos 2012, Kerajaan telah membayar bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum sebanyak RM500 bagi mengiktiraf sokongan dan komitmen penjawat awam dalam mencapai sasaran DTN. Tambahan lagi, bayaran khas sebanyak RM500 juga telah dibayar kepada semua pesara kerajaan. Langkah ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.2 bilion yang memberi manfaat kepada 1.27 juta kakitangan awam dan 657,000 pesara kerajaan.

Bagi menggalakkan peningkatan diri dan pembelajaran sepanjang hayat serta meningkatkan produktiviti kerja kakitangan awam, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk membolehkan mereka, termasuk guru sekolah melanjutkan pelajaran secara separuh masa. Peruntukan ini akan digunakan bagi menyediakan sebanyak 20,000 biasiswa di peringkat sarjana muda, 5,000 di peringkat ijazah sarjana dan 500 bagi ijazah doktor falsafah. Biasiswa ini akan disediakan bermula Oktober 2012.

Menyediakan Suasana Kondusif Anggota Keselamatan

Untuk terus meningkatkan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kerajaan memperuntukkan RM450.6 juta bagi membolehkan PDRM memperoleh teknologi dan kelengkapan terkini serta membangunkan dan menaik taraf perumahan,

ibu pejabat, balai dan pusat latihan. Peruntukan ini juga meliputi keperluan mewujudkan kerjasama lebih erat antara PDRM dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dalam usaha membanteras jenayah. Sehingga akhir Jun, sejumlah RM234 juta telah dibelanjakan untuk 44 projek. Projek ini termasuk menaik taraf Ibu Pejabat Polis di Bachok, Kelantan dan Sipitang, Sabah serta pembinaan Galeri Muzium Polis Bukit Kepong di Muar, Johor. Tambahan lagi, *1Malaysia Privilege Card* telah dilancarkan pada 7 Ogos 2012 untuk meringankan kos sara hidup anggota keselamatan di negara ini. Kad tersebut yang memberi diskaun daripada lebih kurang 20 syarikat yang mengambil bahagian akan memanfaatkan 241,000 warga PDRM dan ATM. Dalam hubungan kerjasama di antara PDRM dan agensi kerajaan lain, program rondaan bersama sedang dilaksanakan di beberapa lokasi, termasuk kawasan tumpuan jenayah dan sekolah serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Fokus Kelima: Meredakan Inflasi dan Mengimarah Kehidupan Rakyat

Kerajaan terus berusaha untuk menyediakan ekosistem kondusif kepada rakyat untuk mengoptimumkan potensi dan meningkatkan kesejahteraan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa langkah telah diperkenalkan dalam Bajet 2012. Inisiatif ini disasarkan kepada kumpulan isi rumah 40% terendah dan kumpulan berpendapatan sederhana, terutama yang memberi manfaat kepada pelajar, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan golongan gelandangan.

Meringankan Kos Sara Hidup

Bagi mengurangkan kesan inflasi terhadap kesejahteraan rakyat, Kerajaan telah memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 kepada isi rumah yang pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Inisiatif yang bernilai RM2.2 bilion telah meringankan beban 4.3 juta keluarga di seluruh negara. Di samping itu, bantuan persekolahan sebanyak RM100 telah



diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari tahun satu hingga tingkatan lima. Langkah ini telah memberi manfaat kepada 5.4 juta pelajar melibatkan perbelanjaan sebanyak RM545 juta. Bantuan selanjutnya sebanyak RM200 dalam bentuk baucar buku telah diberikan kepada pelajar di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, matrikulasi serta tingkatan enam. Program ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM244 juta telah membantu 1.2 juta pelajar di seluruh negara.

Meningkatkan Pengeluaran Bekalan Makanan dan Industri Agro

Dasar Agro Makanan Negara (NAFP) 2011 – 2020 telah dilancarkan pada Januari 2012 dengan tujuan menjamin bekalan makanan mencukupi, meningkatkan nilai tambah sektor agromakanan, melengkapkan dan memperkukuh rantaian bekalan serta menyediakan tenaga kerja yang terlatih dan berpengetahuan. Untuk meningkatkan pencapaian hasil tersebut, sejumlah RM1.1 bilion telah diperuntukkan pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, RM19.6 juta telah dibelanjakan bagi meningkatkan hasil padi dan pembinaan baraj di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (KETARA) yang telah memberi manfaat kepada 2,700 petani. Sebanyak RM24.9 juta lagi telah diperuntukkan untuk projek pengairan di Sabah dan Sarawak yang melibatkan 3,145 petani. Pada masa yang sama, sejumlah RM552 juta telah diperuntukkan untuk projek di bawah NKEA, termasuk industri herba, burung walit, akuakultur dan ternakan ikan sangkar. Sehingga Julai 2012, sejumlah RM61.4 juta telah dibelanjakan dan telah memberi manfaat kepada lebih 3,500 petani.

Untuk terus memodenkan sektor pertanian, skop pembiayaan di bawah Dana Pertanian Komersial telah diperluaskan kepada projek pertanian berinovasi. Sehingga akhir Mei 2012, Agrobank telah mengeluarkan RM418.2 juta untuk membiayai 42 projek pertanian. Bagi memastikan bekalan makanan mencukupi, Kerajaan telah memperluas program ladang kontrak dengan peruntukan sebanyak RM14 juta. Sehubungan ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA) telah membelanjakan RM6.1 juta untuk memasarkan lebih 191,000 tan metrik hasil pertanian yang memberi manfaat kepada 2,453 petani di seluruh negara.

Bantuan Barangan Asas

Kerajaan terus memberikan rebat bil elektrik kepada isi rumah bagi penggunaan bulanan RM20 dan ke bawah. Dalam hal ini, sejak Januari 2012, sejumlah RM46.4 juta telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada kira-kira satu juta isi rumah berpendapatan rendah. Sejumlah RM1.2 bilion juga diperuntukkan untuk program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) yang menyediakan bantuan kebajikan kepada golongan miskin, warga emas dan OKU. Sehingga kini, lebih daripada 470,000 individu terus mendapat manfaat daripada program ini.

Langkah lain untuk meringankan beban rakyat, termasuk menambah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), membuka lebih banyak Agro Bazaar Kedai Rakyat, memperluas bilangan produk 1Malaysia, mengeluarkan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) serta memperluas dan mempromosi Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M). Pada tahun 2012, sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan untuk program KR1M. Pada masa ini, terdapat 46 KR1M dan 39 kedai lagi dijangka dibuka sehingga akhir tahun. Untuk memasarkan hasil pertanian dan produk jenama 1Malaysia, Kerajaan telah melancarkan 19 Agro Bazaar Kedai Rakyat dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 dan 11 lagi akan dibuka sehingga akhir tahun. Setakat Julai 2012, 19 usahawan telah mendapat manfaat daripada program ini. Seterusnya, pada 2 Julai 2012, Kerajaan telah melancarkan KDS1M yang bertujuan untuk mengurangkan peningkatan kos sara hidup dalam kalangan pelajar universiti. Kad tersebut menyediakan diskaun sehingga 60% ke atas pembelian barangan tertentu, seperti buku, alat tulis, pakaian serta makanan yang memberi manfaat kepada kira-kira 1.5 juta pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pada masa yang sama, MR1M yang menawarkan pakej menu makanan popular pada harga berpatutan yang kini boleh didapati di



2,390 kedai makanan dan 610 kedai makanan lagi dijangka akan menyediakan MR1M sehingga akhir tahun.

Skim Amanah Rakyat 1Malaysia

Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia) yang dilancarkan pada Januari 2012 merupakan satu skim khas yang dimulakan Kerajaan untuk menggalakkan penjimatan dan meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah 40% terendah. Skim ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang layak untuk memohon pinjaman sebanyak RM5,000 daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk melabur dalam unit Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia). Walaupun peminjam perlu membayar jumlah prinsipal, namun begitu Kerajaan akan menanggung faedah ke atas pinjaman tersebut. Dalam hal ini, sejumlah 66,560 individu telah menyertai SARA 1Malaysia dengan pelaburan melebihi RM332.8 juta.

Kemudahan Asas Luar Bandar

Sejumlah RM1 bilion telah diperuntukkan pada tahun 2012 di bawah RTP bagi membina dan menaik taraf dewan serbaguna, surau, parit, jambatan kecil dan membaik pulih rumah yang usang. Sebanyak 5,779 projek yang kebanyakannya di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak telah dikenal pasti untuk dimajukan dan lebih daripada 790,000 individu akan mendapat manfaat daripada projek tersebut. Daripada jumlah ini, 3,678 projek sedang dilaksanakan dan akan siap secara berperingkat menjelang akhir Mac 2015.

Rancangan Tebatan Banjir

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion pada tahun 2012 bagi pelaksanaan projek tebatan banjir di Perlis, Sungai Kerian, Perak dan Segamat, Johor. Kerja-kerja pembinaan bagi projek ini bermula Mac 2012 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2015. Apabila projek ini siap dilaksanakan, sejumlah lebih daripada 185,000 penduduk yang tinggal di sekitar kawasan ini akan bebas daripada ancaman banjir.

Perumahan Rakyat Berkualiti

Usaha berterusan telah diambil untuk menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti kepada rakyat, terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Beberapa langkah di bawah Bajet 2012 sedang dilaksanakan, termasuk meluaskan skop Skim Rumah Pertamaku serta memperuntukkan dana bagi beberapa projek di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Program Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) dan Program Pemulihan Rumah Terbengkalai serta Tabung Khas Perumahan Nelayan. Projek pertama di bawah PR1MA telah dilancarkan di Putrajaya pada Julai 2011, dengan menawarkan rumah berharga antara RM120,000 hingga RM150,000 berbanding dengan harga pasaran antara RM175,000 hingga RM220,000. Projek tersebut dijangka siap menjelang tahun 2014 dan memanfaatkan 560 pembeli rumah. Projek yang sama melibatkan 42,000 unit akan dilancarkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Seterusnya, berkuatkuasa Januari 2012, had pembiayaan bagi rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku telah ditingkatkan daripada RM220,000 kepada RM400,000. Sehingga akhir Julai 2012, kira-kira 420 golongan muda yang berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 telah mendapat manfaat daripada skim ini. Selain daripada itu, 17,000 unit rumah lagi di bawah PPR sedang dalam pembinaan dan dijangka siap untuk diduduki menjelang tahun 2015.

Program RMR1M yang diperkenalkan bagi membantu isi rumah berpendapatan rendah, termasuk nelayan dan petani untuk memiliki rumah yang selesa telah memberi manfaat kepada 17,479 isi rumah. Sebanyak 10,000 unit lagi akan dibina pada tahun 2012 oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Di bawah Program Pemulihan Rumah Terbengkalai, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk memulihkan 95 projek perumahan. Sehingga akhir Ogos 2012, sejumlah 23 projek terbengkalai telah berjaya dipulihkan, selain itu 62 projek sedang dalam pembinaan. Kerajaan juga menubuhkan Tabung Khas Perumahan



Nelayan dengan peruntukan RM300 juta bagi penyediaan infrastruktur asas dan membaik pulih rumah. Sehingga akhir Jun 2012, RM101 juta telah diluluskan kepada 10,319 pemohon.

Meningkatkan Perkhidmatan Kesihatan

Bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM16.8 bilion pada tahun 2012. Antara lain, peruntukan ini akan digunakan untuk pembinaan hospital baharu di Sri Aman, Sarawak, Rembau, Negeri Sembilan dan Kuala Krai, Kelantan serta menaik taraf hospital di Ipoh, Perak, Mersing, Johor dan Putrajaya. Kerja pembinaan hospital tersebut kini berada di pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2015. Pada masa yang sama, 81 klinik kesihatan luar bandar akan dinaik taraf manakala 70 Klinik 1Malaysia baharu akan dilancarkan pada tahun 2012. Kerja pembinaan di 13 klinik kesihatan luar bandar telah siap dilaksanakan manakala 18 Klinik 1Malaysia telah ditubuhkan. Bagi memastikan keselesaan kira-kira 3,000 pesakit luar yang mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) setiap hari dan menaik taraf kemudahan yang sedia ada, Bajet 2012 telah memperuntukkan RM300 juta untuk hospital perdana ini. Daripada jumlah ini, RM50 juta akan digunakan untuk pembinaan blok pesakit baharu yang akan bermula pada tahun 2013 dan siap menjelang tahun 2015.

Memartabatkan Sukan Negara

Bagi memperkasa atlet untuk bersaing dalam arena antarabangsa, terutamanya dalam sukan berprestasi tinggi seperti bola sepak, skuasy, badminton, boling, terjun, memanah dan berbasikal, sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012. Peruntukkan ini telah digunakan untuk beberapa projek, termasuk latihan serta pembangunan dan penyelenggaraan pusat sukan. Seramai 5,192 atlet akan mendapat faedah daripada peruntukan ini. Pada masa yang sama, RM15 juta telah disediakan bagi membina 150 gelanggang futsal di seluruh negara. Pada

masa ini, terdapat 1,751 gelanggang futsal awam yang memberi manfaat kepada kira-kira 1.5 juta pengguna setahun. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM50 juta juga telah dibuat bagi pembinaan padang bola sepak dengan kemudahan padang tiruan dan lampu limpah di 30 lokasi terpilih di seluruh negara. Kerja pembinaan projek ini bermula pada Oktober 2012 dan dijangka siap dilaksanakan sehingga akhir tahun 2012.

Belia Penggerak Masa Hadapan

Belia terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi negara ke arah ekonomi maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk membantu belia merealisasikan potensi mereka, Kerajaan telah memperuntukkan RM320 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti, termasuk latihan kemahiran serta program kepimpinan dan keusahawanan. Sejumlah 3,301 aktiviti telah dijalankan yang memanfaatkan lebih lima juta belia. Bajet 2012 juga menyediakan peruntukan RM200 juta untuk industri kreatif bagi mengalakkan kreativiti di kalangan belia Malaysia. Dalam hal ini, MyCreative Venture Capital Sendirian Berhad telah ditubuhkan pada April 2012 bagi menyediakan platform baharu supaya idea kreatif dapat diterjemahkan dalam bentuk aktiviti yang boleh menjana kekayaan.

Bagi belia yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian mereka, Kerajaan telah memperkenalkan program *Strategic Action for Youth 1Malaysia* (SAY 1Malaysia) dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Di bawah program ini, pelbagai latihan kemahiran tinggi akan dijalankan oleh institusi latihan, seperti Kolej Komuniti, Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Perindustrian, GIATMARA dan institut latihan kemahiran swasta. Pada 15 Julai 2012, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan dana khas sebanyak RM100 juta untuk menerajui program 1Malaysia For Youth (1M4U). Program ini dijangka dapat memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia melalui penyelarasan semua aktiviti sukarelawan belia.



Penglibatan Belia Dalam Pembangunan Sosioekonomi

Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan belia sebagai individu dalam kumpulan umur antara 15 hingga 24 tahun. Di Malaysia, belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun, seperti yang termaktub dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Pada masa ini, Kementerian Belia dan Sukan sedang menyemak semula takrifan umur belia daripada 15 hingga 40 tahun kepada 18 hingga 30 tahun.

Bilangan belia di Malaysia telah meningkat daripada 11.2 juta pada tahun 2005 kepada 12.8 juta¹ pada tahun 2011, merangkumi 44.3% daripada jumlah penduduk. Belia merupakan aset berharga kepada negara dengan tenaga kerja menyumbang 60% atau 7.2 juta¹ daripada jumlah pekerja pada tahun 2011.

Fokus Terhadap Belia

Berdasarkan profil umur mereka di samping merupakan bilangan yang signifikan daripada jumlah penduduk, belia adalah aset negara yang paling bernilai dan berpotensi untuk memainkan peranan penting dalam transformasi negara. Lebih penting lagi, belia merupakan pemimpin masa hadapan. Oleh itu, adalah mustahak agar kedinamikan dan potensi sumbangan belia kepada pembangunan ekonomi dan negara dipupuk dan dimanfaatkan. Belia hari ini lebih terpelajar dan meletakkan harapan sosial dan ekonomi yang lebih tinggi. Mereka inginkan peluang dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pekerjaan, keusahawanan, latihan dan kemahiran serta kualiti hidup. Mereka juga lebih mahir dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dan bergiat aktif dalam rangkaian sosial seperti *blog*, *Facebook* dan *Twitter*. Mereka terdedah kepada sebaran maklumat yang pantas serta terlalu yakin dengan pendapat sendiri. Belia juga ingin pendapat mereka didengari dan dilibatkan dalam pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, sesetengah belia terlibat dalam gejala sosial seperti kesalahan juvana, penagihan dadah, pembuangan bayi dan perlumbaan haram. Keadaan ini mungkin berpunca daripada latar belakang sosioekonomi mereka yang kurang bernasib baik yang mengekang peningkatan taraf ekonomi; kekurangan perhatian dan bimbingan daripada ibu bapa; tekanan daripada rakan sebaya; kurang panduan agama dan moral; dan sistem sokongan sosial yang lemah.

Masalah ini boleh ditangani melalui penerapan nilai moral dari usia muda, khususnya oleh ibu bapa. Sekolah dan universiti juga boleh membantu melengkapkan peranan ibu bapa untuk menerapkan sikap positif dalam kalangan belia. Sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) perlu meningkat dan menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti yang bermanfaat. Melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat, sektor swasta boleh menyediakan peluang keusahawanan dan latihan industri kepada belia. NGO dan agensi kerajaan yang terlibat perlu memperkukuh aktiviti kesukarelawanan dan kerja sosial dalam kalangan belia.

Inisiatif Kerajaan

Kerajaan telah menyediakan beberapa inisiatif dan program bagi menangani kebimbangan dan memenuhi harapan belia. Inisiatif ini termasuk menyediakan pendidikan secara percuma di peringkat sekolah; latihan vokasional dan kemahiran kepada remaja yang tidak cenderung kepada pendidikan akademik; program keusahawanan untuk melibatkan belia dalam aktiviti keusahawanan; dan program kepimpinan dan pembangunan sendiri untuk mengukuhkan belia di samping menyemai semangat kesukarelawanan. Inisiatif dan program ini bertujuan membentuk belia yang seimbang untuk membantu mereka menyumbang kepada ekonomi negara.

¹ Data diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia merangkumi belia dalam lingkungan umur 15 – 39 tahun.



Inisiatif terkini bagi melibat dan memperkasakan belia dalam ekonomi dan pembangunan negara, termasuk:

- Melancarkan **Genovasi** pada Ogos 2012 untuk membentuk belia sebagai “duta inovasi” supaya menjadi pemangkin kepada kemajuan, kualiti hidup yang lebih baik dan penyelesaian masalah negara. Program ini akan melibatkan kerjasama dengan pemimpin inovasi global bagi membangunkan kurikulum latihan dan pembelajaran.
- Melancarkan program **1Malaysia For Youth (1M4U)** pada Julai 2012 bagi menerapkan semangat sukarelawan dalam kalangan belia. Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M) berjumlah RM100 juta telah diperuntukkan untuk belia melaksanakan aktiviti sukarelawan. Permohonan untuk DRe1M terbuka kepada individu berkumpulan sekurang-kurangnya 10 orang, NGO yang berdaftar, kelab sukan dan badan beruniform.
- Mewujudkan **MyCreative Venture Capital** dengan peruntukan dana RM200 juta di bawah Bajet 2012 bagi menggalakkan belia memulakan perniagaan berasaskan idea dan inovasi baharu. MyCreative Ventures Sendirian Berhad (MyCreative), sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan telah ditubuhkan untuk menguruskan dana. Dana ini juga akan digunakan untuk menggalakkan perniagaan yang terlibat dalam industri kreatif.
- Memperkenalkan program **Strategic Action for Youth 1Malaysia (SAY 1Malaysia)** dengan peruntukan RM200 juta di bawah Bajet 2012 untuk menyediakan latihan kemahiran kepada pelajar yang tercicir dari sekolah serta latihan peningkatan kemahiran yang khusus untuk belia. Latihan kemahiran ini dikendalikan oleh pelbagai institusi latihan seperti Kolej Komuniti, Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Perindustrian dan GIATMARA, sementara latihan praktikal akan disediakan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.
- Melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** pada Mac 2011 untuk membantu golongan muda memiliki rumah. Skim tersebut membenarkan mereka memiliki rumah pertama dengan tawaran pinjaman 100% daripada institusi kewangan tanpa perlu membayar wang pendahuluan 10%. Kerajaan melalui Cagamas Berhad akan menjamin 10% wang pendahuluan untuk rumah tersebut. Pada akhir Julai 2012, institusi perbankan telah meluluskan 423 permohonan berjumlah RM64.2 juta.
- Mewujudkan **Dana Belia 1Malaysia** dengan peruntukan RM20 juta bagi menyediakan geran kewangan kepada belia untuk menjalankan projek kreatif. Dana yang dibiayai oleh Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ini telah dilancarkan pada Januari 2011. Pada akhir Julai 2012, sejumlah RM9.9 juta telah disalurkan kepada 166 penerima yang berjaya.

Kerajaan mengiktiraf kepentingan penglibatan rakyat, terutamanya golongan belia melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *blog*. Saluran lain, termasuk **Meja Bulat 1Malaysia** yang merupakan platform dalam talian untuk rakyat membincangkan pelbagai isu. Perbincangan ini dibimbing oleh pakar bidang bagi memastikan ianya lebih fokus dan berhasil serta membantu Kerajaan mendapatkan maklum balas, idea dan cadangan daripada rakyat dalam pelbagai topik, termasuk bajet tahunan. Himpunan tahunan belia di Putrajaya merupakan satu lagi saluran yang penting untuk memperkasakan dan meningkatkan penglibatan belia. **Perhimpunan Jutaan Belia** pertama yang diadakan pada tahun 2011 telah menarik lebih 1 juta belia, manakala yang kedua pada Mei 2012 disertai 2.5 juta belia.

Kesimpulan

Berdasarkan bilangan belia yang besar dan potensi mereka, adalah penting untuk memahami ciri-ciri dan kecenderungan mereka bagi merangka dasar dan program yang selari dengan sifat dan aspirasi belia. Langkah ini adalah bagi memotivasi dan melibatkan belia dalam pembangunan sosioekonomi dan aktiviti yang bermanfaat seperti sukan dan sukarelawan, justeru membolehkan mereka memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada negara.



Mengiktiraf Keupayaan Wanita

Wanita yang mewakili 48.2% daripada penduduk umur bekerja hanya menyumbang 36% daripada keseluruhan tenaga buruh. Beberapa langkah, termasuk penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja telah diperkenalkan bagi menarik golongan wanita kembali ke pasaran pekerjaan. Untuk menggalakkan lagi penyertaan mereka dalam tenaga kerja, Kerajaan telah memperkenalkan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita terlibat di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Dalam hal ini, satu program yang melibatkan empat modul iaitu *Boardroom Assessment*, *Board Coaching*, *Onboard Training* dan *Boardroom Soft Skill* telah diadakan bagi pengarah wanita pada Jun 2012. Sehingga akhir Ogos 2012, lebih daripada 100 pengarah telah mengambil bahagian dalam program ini. Seterusnya, untuk membantu usahawan kecil-kecilan terutamanya wanita, Kerajaan telah memperuntukkan RM120 juta kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) dan sebanyak RM2.1 bilion kepada AIM bagi menyediakan pembiayaan mikro. Daripada jumlah ini, setiap RM100 juta telah diberikan kepada usahawan India dan Cina melalui satu unit khas di bawah AIM. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 317,877 usahawan, termasuk usahawan India sebanyak 5,368 dan Cina sebanyak 993.

Kanser serviks merupakan kanser ketiga yang paling kerap berlaku dalam kalangan wanita Malaysia selepas kanser payudara dan kanser usus. Dalam hal ini, program imunisasi Human Papilloma Virus (HPV) telah dilancarkan pada Julai 2012 sebagai sebahagian daripada strategi Kerajaan dalam mencegah dan mengawal kanser serviks. Untuk tujuan ini, RM50 juta telah diperuntukkan dan sehingga akhir Julai 2012 lebih 160 wanita telah diberi imunisasi di bawah program ini. Di samping itu, sebanyak RM700 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan sebuah hospital khusus untuk wanita dan kanak-kanak di Kuala Lumpur. Kerja pembinaan projek PPP ini dijangka bermula pada 2013 dan dijadualkan siap dilaksanakan

pada tahun 2015. Hospital ini dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 170,000 pesakit setahun apabila siap sepenuhnya.

Memacu Pembangunan Masyarakat Bumiputera

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada Februari 2011 untuk memimpin, menyelaras dan memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. Ke arah ini, TERAJU akan terus menyediakan bantuan bagi membolehkan syarikat Bumiputera yang berprestasi tinggi disenaraikan di Bursa Malaysia. Sehingga akhir Ogos 2012, empat syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia dan dua lagi syarikat dijangka disenaraikan sehingga akhir 2012. Sebagai tambahan, pada 6 Julai 2012, TERAJU dengan kerjasama SME Bank telah melancarkan kemudahan pinjaman RM500 juta untuk menyediakan pembiayaan kepada syarikat Bumiputera yang berprestasi tinggi. Pinjaman dana ini boleh dipohon mulai Ogos 2012. Di samping itu, di bawah projek MY Rapid Transit (MRT) sebanyak 47% daripada keseluruhan pakej yang ditawarkan akan diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera. Sehingga akhir Julai 2012, sejumlah 17.5 pakej bernilai RM7.6 bilion telah diberi kepada syarikat Bumiputera. Sejumlah 17 pakej lagi bernilai RM1.7 bilion juga akan diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM200 juta untuk program pembangunan usahawan bersepadu bagi meningkatkan daya saing dan daya maju usahawan Bumiputera. Daripada peruntukan ini, kira-kira RM80 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai program, termasuk Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE), latihan keusahawanan dan *Industrialised Building System* (IBS). Sejumlah 22,589 usahawan telah menyertai kesemua program berkenaan.

Menghargai Sumbangan Warga Emas

Berkuatkuasa 1 Januari 2012, warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas dikecualikan daripada membayar fi pendaftaran RM1 bagi pesakit luar di semua hospital, termasuk Klinik 1Malaysia dan klinik pergigian Kerajaan.



Di samping itu, warga emas juga dikecualikan daripada membayar fi pendaftaran RM5 untuk rawatan pakar bagi pesakit luar di semua klinik dan hospital Kerajaan. Warga emas yang menerima rawatan di wad kelas ketiga di hospital Kerajaan hanya perlu membayar sekurang-kurangnya 50% daripada caj perubatan mereka atau maksimum RM250 berbanding RM500 sebelum ini. Langkah yang diperkenalkan dalam Bajet 2012 mencerminkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas.

Meringankan Beban Pemilik Teksi Persendirian

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2012 bagi membantu pemandu teksi meningkatkan pendapatan mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Skim Sewa-Beli Teksi Baharu yang dilancarkan pada 9 April 2012 telah memperuntukkan subsidi kadar faedah dua peratus ke atas pinjaman penuh untuk pemilikan teksi baharu buatan tempatan. Pada 18 Julai 2012, BSN telah mengeluarkan pinjaman lebih daripada RM17 juta kepada kira-kira 400 pemohon. Pemilik teksi juga diberikan rebat sebanyak RM3,000 untuk mengganti teksi lama yang berusia antara tujuh hingga sepuluh tahun dan RM1,000 untuk teksi yang berusia melebihi sepuluh tahun. Sejumlah 712 pemilik teksi telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Tambahan pula, di bawah program penggantian tayar di bawah Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma), Kerajaan telah menyediakan baucar kepada lebih daripada 38,200 pemilik teksi. Satu lagi inisiatif di bawah TR1Ma adalah skim insurans kemalangan peribadi yang telah dilancarkan pada 24 Jun 2012. Skim ini meliputi semua pemandu teksi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 100,000 individu.

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan

Kerajaan komited untuk memastikan bahawa tiada rakyat yang dituduh atas kesalahan jenayah dinafikan haknya untuk mendapatkan khidmat peguam. Dalam hal ini, Yayasan

Bantuan Guaman Kebangsaan yang memulakan operasinya pada April 2012 telah diperuntukkan RM15 juta untuk memberi bantuan dan nasihat guaman berkaitan jenayah di peringkat tangkapan, reman dan permohonan ikat jamin. Bantuan ini disediakan di semua negeri dan meliputi semua jenis kesalahan jenayah kecuali kesalahan yang membawa hukuman mati. Sehingga akhir Jun 2012, khidmat bantuan guaman telah diberikan kepada melebihi 10,500 rakyat Malaysia.

Anjung Singgah

Anjung Singgah, sebuah pusat khidmat bantuan sosial yang menyediakan khidmat bantuan pekerjaan, tempat perlindungan sementara, makanan, kaunseling dan bantuan kebajikan kepada golongan gelandangan telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada April 2011. Sehingga kini, lebih daripada 620 orang telah berdaftar dengan Anjung Singgah dan daripada jumlah tersebut 223 orang telah ditawarkan pekerjaan. Memandangkan keberkesanannya dalam membantu golongan ini, tiga lagi pusat akan ditubuhkan di Johor Bahru, Kuching dan Pulau Pinang. Kerja pembinaan ketiga-tiga pusat ini telah dimulakan pada Julai 2012 dan dijangka siap sehingga akhir tahun ini. Setiap pusat baharu ini akan dilengkapi kemudahan yang mampu menampung kira-kira 100 orang pada satu-satu masa.

Pengurusan Ekonomi – 2013

Memandangkan prospek sektor luar semakin mencabar, pengurusan ekonomi pada tahun 2013 akan memberi fokus kepada usaha memperkukuh permintaan domestik dan mengekalkan kestabilan makroekonomi. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa isu yang perlu ditangani dalam tempoh yang terdekat melalui proses konsultasi bersama semua pihak berkepentingan secara meluas, terutama sekali dengan rakyat. Usaha menangani isu-isu yang berbangkit turut memberi peluang kepada Kerajaan untuk terus memperkukuh permintaan domestik sebagai penggerak pertumbuhan.



Isu dan Cabaran

Persekitaran Luar

Dengan ketidaktentuan persekitaran luar yang menjejaskan aktiviti ekonomi merentasi segenap rantau, ekonomi global dijangka terus berkembang dengan sederhana pada tahun 2013. Proses pemulihan ekonomi Eropah diunjur perlahan, berdepan dengan risiko yang lebih mencabar. AS terus bergelut dengan kadar pengangguran yang tinggi, pembaharuan sektor kewangan yang perlahan serta defisit fiskal dan hutang yang tinggi. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh China untuk merendahkan kadar pinjaman polisi, namun begitu ekonomi negara berkenaan dijangka terus berada di bawah tahap potensi pertumbuhan, berikutan jangkakan permintaan luar yang sederhana. Dengan mengambil kira perkembangan ini, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan pada kadar 3.9% pada tahun 2013 berbanding 3.5% pada tahun 2012. Justeru, sektor luar dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan sederhana pada tahun 2013.

Ekonomi Domestik

Pelaburan

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi menggalakkan sektor swasta memainkan peranan utama dalam menjana aktiviti ekonomi. Berikutan inisiatif ini, pelaburan swasta telah berkembang 12.2% kepada RM94.9 bilion pada tahun 2011 berbanding RM84.6 bilion pada tahun 2010. Arah aliran menggalakkan ini berterusan dalam tempoh separuh pertama 2012 dengan pelaburan swasta melonjak 22.4% kepada RM62.4 bilion berbanding RM51 bilion dalam tempoh yang sama 2011. Walaupun data pelaburan swasta yang menggalakkan, peratusan sumbangan pelaburan kepada KDNK masih rendah pada 26.8% dalam tempoh separuh pertama 2012 berbanding 40% yang pernah direkodkan sebelum Krisis Kewangan Asia, terutama sekali antara tahun 1995 hingga 1997. Tambahan lagi, selepas lebih tiga dekad pembangunan melalui perindustrian, sebahagian besar pengusaha sektor pembuatan masih menumpukan kepada operasi

pemasangan. Situasi demikian, menunjukkan bahawa Malaysia perlu berusaha lebih gigih menarik dan menggalakkan pelaburan bernilai tinggi daripada syarikat swasta tempatan dan luar untuk membolehkan negara menghasilkan produk dan proses rantai industri bernilai tambah tinggi.

Perusahaan Kecil dan Sederhana

Sehingga kini, PKS merangkumi 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia. Pada keseluruhannya, PKS menyumbang 32% daripada KDNK, pekerjaan sebanyak 60% dan eksport sebanyak 19%. Walaupun perusahaan ini telah mencatatkan pertumbuhan yang baik sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa isu utama masih perlu ditangani. Antara yang menghalang perkembangannya ialah ketidakpantasan mengguna pakai teknologi dan inovasi, akses dan kebolehdayaan kepada pembiayaan, terutama sekali dalam kalangan PKS yang baharu dan perusahaan kecil dan mikro, pembangunan modal insan dalaman yang terhad dan kekurangan perancangan perniagaan jangka panjang. Cabaran daripada ketidaktentuan persekitaran luar dan persaingan sengit dalam pasaran tempatan turut dihadapi oleh PKS.

Pengangkutan Awam

Dalam menuju ke arah ekonomi maju berpendapatan tinggi, sistem pengangkutan bertaraf dunia adalah amat penting kepada negara. Perkhidmatan Sungai Buloh-Kajang MY Rapid Transit (SBK-MRT) yang dijangka beroperasi menjelang tahun 2017 akan membawa perubahan besar kepada infrastruktur pengangkutan awam bandar di Lembah Klang. Begitu juga, terdapat keperluan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam bandar utama di luar Lembah Klang bagi memudahkan pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan dengan lebih lancar dan cekap.

Peningkatan Harga Makanan

Dalam mengecapi kemajuan, negara turut berhadapan dengan cabaran inflasi. Inflasi yang ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) secara keseluruhannya kekal rendah sebanyak



1.4% pada Ogos 2012. Walau bagaimanapun, harga komoditi makanan telah menunjukkan trend peningkatan. Faktor global seperti kenaikan harga input pertanian, kemarau, banjir, sumber yang terhad, persaingan penggunaan komoditi bagi bio bahan api dan peningkatan permintaan berikutan pertambahan penduduk telah meningkatkan harga komoditi makanan. Jika arah aliran ini berterusan, rakyat terutama sekali dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah merupakan golongan yang paling terjejas, memandangkan hampir 30% daripada perbelanjaan penggunaan mereka adalah untuk makanan dan minuman. Walaupun terdapat pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan, Malaysia masih merupakan negara pengimport bersih makanan dengan defisit perdagangan sebanyak RM13.9 bilion pada tahun 2011. Oleh itu, kebimbangan isu jaminan makanan dan kecukupan sara diri pengeluaran negara perlu ditangani.

Perumahan Mampu Milik

Sementara Kerajaan terus berusaha menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti dalam jumlah yang mencukupi kepada rakyat di kawasan bandar dan luar bandar, terdapat beberapa isu perlu diambil tindakan yang bersesuaian. Isu ini termasuk ketidaksepadanan antara penawaran dengan permintaan bagi rumah mampu milik kos rendah dan sederhana, terutama sekali di kawasan bandar. Tambahan pula, lokasi rumah kos rendah lazimnya terletak di luar kawasan strategik dan kadangkala dibina tanpa kemudahan asas sosial seperti kawasan rekreasi, kemudahan parkir dan dewan serbaguna. Di samping itu, harga harta tanah kediaman di kawasan bandar atau lokasi pilihan utama di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor semakin mahal dan telah meningkat antara 10% hingga 30%.

Kemiskinan dan Pemandaran

Dalam tempoh lima dekad yang lalu, Malaysia telah mencapai kemajuan yang amat membanggakan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara. Mengikut bilangan isi rumah, kadar kemiskinannya telah berkurangan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada

tahun 2009 sementara kemiskinan tegar telah hampir dibasmikan. Dalam hal ini, bilangan isi rumah miskin dalam negara berjumlah 228,300 dan 30.6% daripadanya berada di kawasan bandar manakala selebihnya di luar bandar. Berdasarkan bilangan kemiskinan yang tinggi di kawasan bandar, maka jurang pendapatan antara masyarakat bandar dengan luar bandar serta golongan kaya dengan miskin merupakan permasalahan yang perlu ditangani. Tambahan pula, sejumlah lebih kurang 102,300 pelajar tercicir daripada sistem persekolahan awam pada setiap tahun dan keadaan ini boleh membawa kesan kepada peningkatan jumlah isi rumah miskin pada masa hadapan.

Selaras dengan kepesatan pembangunan negara, peratusan bilangan penduduk bandar telah meningkat kepada 71% pada tahun 2010 berbanding 62% pada tahun 2000. Walaupun pemandaran menjanjikan kemakmuran ekonomi, kemajuan ini juga memberi cabaran kepada masyarakat bandar, terutamanya bagi golongan mudah terjejas bandar. Golongan ini meliputi isi rumah bandar yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, lebih mudah terjejas kepada cabaran hidup di kawasan bandar. Seajar dengan proses pemandaran negara yang berterusan Kerajaan perlu melakukan perubahan dari segi strateginya bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela dengan mendapat kemudahan yang mencukupi, termasuk akses kepada bekalan air, elektrik, rumah, pendidikan, perkhidmatan pengangkutan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan.

Belia

Kerajaan juga memberi perhatian kepada peranan belia dalam pembangunan negara. Belia yang ditakrifkan sebagai golongan dalam lingkungan umur antara 15 hingga 39 tahun merupakan aset yang paling berharga. Pada ketika ini, sebanyak 44% penduduk negara terdiri daripada golongan belia. Mereka kini lebih berpendidikan dan mempunyai ekspektasi yang tinggi dari segi keperluan ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha menyediakan suasana yang kondusif bagi generasi muda merealisasikan potensi sebenar mereka. Namun begitu, masih terdapat beberapa isu yang



menyelubungi golongan belia hari ini, termasuk pengangguran, ruang yang terhad bagi melahirkan idea serta kekurangan akses kepada sumber pembiayaan perniagaan dan peluang latihan kemahiran.

Bantuan Sosial

Kesejahteraan rakyat terus diberi perhatian, terutamanya dalam menyediakan program bantuan sosial yang meliputi golongan miskin, OKU dan warga emas. Dalam keadaan peningkatan kos sara hidup termasuk kenaikan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta serta kehilangan punca pendapatan akibat bencana alam, maka semakin ramai ketua isi rumah terutamanya para petani dan nelayan, berdepan dengan risiko ketidakupayaan menyediakan kehidupan yang lebih selesa kepada keluarga mereka. Pada masa ini, program bantuan sosial sedia ada belum dapat menangani sepenuhnya akan kemungkinan tersebut.

Pendidikan

Sistem pendidikan pula telah menyumbang kepada pencapaian negara dengan jayanya, iaitu daripada negara berpendapatan rendah kepada berpendapatan menengah atas. Walau bagaimanapun, kajian perbandingan dengan negara serantau dan maju mendapati bahawa pencapaian pelajar Malaysia dalam mata pelajaran sains dan matematik berkurangan. Selain daripada itu, majikan turut melaporkan bahawa pekerja Malaysia kurang memiliki kemahiran insaniah, seperti komunikasi, kreativiti, inovasi, kerja berpasukan dan kepimpinan. Sebenarnya, kebolehan asas ini merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh sesebuah negara bagi menjayakan pelaksanaan transformasi ke arah ekonomi maju berpendapatan tinggi.

Kadar Jenayah

Dari segi usaha pembanterasannya, peratusan indeks jenayah telah menurun sebanyak 15% pada tahun 2010 dan sebanyak 11% pada tahun 2011. Di samping itu, Global Peace Index 2012 telah menyenaraikan Malaysia sebagai negara paling selamat di Asia Tenggara dan berada dalam

kedudukan 20 negara paling aman, mendahului 158 negara lain termasuk Australia, Singapura, UK dan AS. Pencapaian ini mencerminkan usaha gigih Kerajaan dalam mewujudkan persekitaran yang selamat dan terjamin untuk semua rakyat. Walaupun kadar jenayah menurun, isu keselamatan dan ketenteraman masih menjadi perhatian dan ini menunjukkan rakyat mempunyai hasrat yang tinggi bagi Kerajaan membanteras jenayah. Selaras dengan hasrat ini, rakyat juga amat berharap kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan lain serta penglibatan mereka dalam penggubalan, pelaksanaan dan penilaian dasar dan undang-undang.

Kewangan Awam

Di samping memberi perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat, Kerajaan turut menekankan kepentingan pengurusan fiskal yang berkaitan asas hasil dan perbelanjaan sebagai isu utama dalam menjamin kedudukan kewangan awam yang berhemat. Dari segi perspektif hasil, asas cukai negara masih jauh daripada jumlah yang sepatutnya, memandangkan hanya 11% daripada syarikat berdaftar dan 14.8% pekerja membayar cukai. Cukai berkaitan minyak pula menyumbang 33% daripada jumlah hasil. Dari sudut perbelanjaan, walaupun peratusan perbelanjaan Kerajaan sebanyak 27% daripada KDNK tidak terlalu tinggi mengikut piawaian antarabangsa, namun begitu terdapat keperluan untuk memastikan perbelanjaan mengurus tidak melebihi hasil.

Inisiatif Strategik – Bajet 2013

Bajet 2013 akan memberi fokus kepada usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di seluruh negara melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan, perbelanjaan yang berhemat dan pengurangan defisit fiskal dengan matlamat keseluruhannya membawa kepada kesejahteraan rakyat yang lebih baik lagi. Dalam mencapai matlamat ini, penekanan akan diberi kepada beberapa usaha termasuk merancang aktiviti pelaburan; mempergiat inovasi, meningkatkan produktiviti; memperkasa pendidikan dan latihan; meningkat taraf hidup rakyat dan mengukuh pencapaian perkhidmatan awam.



Merancang Aktiviti Pelaburan

Kerajaan terus komited dalam menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi sektor swasta menerajui aktiviti ekonomi, terutama sekali dengan menggalakkan lebih banyak jalinan perkongsian awam dan swasta dalam pelaksanaan DTN. Melalui usaha ini, pelaburan swasta disasarkan untuk berkembang kira-kira 13% setahun dalam tempoh 2011 hingga 2015. Bagi merealisasikan sasaran ini, Bajet 2013 akan terus menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan pelaburan dalam negeri. Antara projek pelaburan swasta adalah industri besi dan keluli, telekomunikasi, elektrik dan elektronik, getah dan peralatan perubatan serta minyak dan gas (O&G). Projek utama akan dilaksanakan bagi mengetengahkan Malaysia sebagai hab serantau pembekalan O&G ke negara jiran dan Asia yang lain. Sebagai tambahan, peruntukkan projek di bawah NKEA akan terus disediakan serta mempermudah pelaksanaan beberapa inisiatif di bawah Pelan Induk SME 2012-2020 yang baharu dilancarkan. Selain daripada itu, Bajet ini akan memperkenalkan inisiatif terbaharu bagi mencergaskan pasaran modal dan kewangan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab kewangan. Sektor pertanian juga akan mendapat manfaat daripada pelbagai langkah dalam Bajet 2013 yang turut memberi sasaran terhadap jaminan makanan yang mencukupi serta mampu dan mudah diperolehi rakyat.

Mempergiat Inovasi, Meningkatkan Produktiviti

Bajet 2013 akan memperuntukkan dana bagi melaksanakan program dan aktiviti yang tertumpu kepada pengetahuan, kreativiti dan inovasi ke arah menyokong usaha negara menjadi ekonomi maju berpendapatan tinggi. Usaha akan diambil bagi membolehkan PKS memanfaatkan harta intelek (IP) sebagai cagaran untuk pembiayaan. Peruntukkan juga akan disediakan kepada institusi pengajian tinggi bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dan pengkomersilan produk berinovatif. Selain daripada itu, peruntukkan akan disediakan bagi pembangunan industri bernilai tambah tinggi, terutamanya produk agromakanan dan pertanian. Usaha akan dipergiatkan bagi

mempromosi teknologi hijau sebagai satu langkah ke hadapan untuk menikmati kehidupan yang lebih mesra alam. Tambahan pula, beberapa persidangan antarabangsa akan dianjurkan pada tahun 2013 untuk menggalakkan jalinan hubungan kerjasama dalam kalangan penginovasi yang berjaya dengan pakar sains dan teknologi, serta pengusaha industri tempatan.

Memperkasa Pendidikan dan Latihan

Bajet 2013 turut mengambil pendekatan holistik dalam pembangunan modal insan melalui inisiatif menambah baik sistem pendidikan, infrastruktur, produktiviti fasilitator serta pusat latihan kemahiran. Mengambil kira kepentingan pendidikan awal kanak-kanak, beberapa langkah akan diperkenalkan bagi memupuk dan membentuk pelajar dari awal usia menjadi kuat, bersatu dan berdaya tahan dalam berdepan dengan pelbagai cabaran dan kesukaran. Peruntukkan juga akan ditambah bagi menjayakan sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia serta menambah baik kurikulum pusat latihan kemahiran. Peruntukkan akan disediakan juga bagi menyelenggara dan menaik taraf kemudahan sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan standard pengajaran serta melahirkan guru yang berkualiti dan berdedikasi, dana akan diperuntukkan semula kepada bidang yang paling kritikal, seperti program latihan dan peningkatan kemahiran guru. Di samping itu, program tambahan akan diperkenalkan bagi meningkatkan bilangan enrolmen belia di institut latihan kemahiran yang akan membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti berproduktif.

Meningkat Taraf Hidup Rakyat

Kini, terdapat beberapa program bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi memiliki rumah. Program ini, termasuk PPR dan RMR1M bagi golongan berpendapatan rendah serta Skim Rumah Pertamaku dan PR1MA bagi golongan berpendapatan sederhana. Bajet 2013 akan terus menyediakan peruntukkan bagi program tersebut serta menyediakan peruntukkan bagi inisiatif baharu untuk membekalkan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat. Bagi mengurangkan jenayah, Kerajaan akan menambah bilangan kehadiran



anggota polis dengan menyediakan peruntukan tambahan bagi pengambilan pegawai polis baharu dan pembelian peralatan canggih. Sehubungan ini peruntukan turut disediakan bagi program yang dapat meningkatkan kesedaran dan kerjasama awam dalam usaha membanteras jenayah.

Pelaksanaan projek MRT pula dijangka dapat menyumbang dengan ketara dalam menangani kesesakan trafik di Kuala Lumpur menjelang tahun 2017. Seajar dengan usaha ini, Kerajaan akan memperkenalkan pelbagai langkah untuk menambah baik sistem pengangkutan dan kesalinghubungan di bandar lain, termasuk Kuantan, Ipoh, Seremban, Kuching dan Kota Kinabalu. Peruntukan juga akan disediakan bagi pembinaan hospital baharu dan penambahan Klinik 1Malaysia di seluruh negara. Selaras dengan langkah dalam Program RTP untuk merubah kawasan luar bandar kepada kawasan ekonomi yang cergas, Bajet 2013 akan memperkenalkan langkah yang serupa bagi menangani pelbagai isu di kawasan bandar yang didiami kira-kira 71% daripada bilangan penduduk negara.

Mengukuh Pencapaian Perkhidmatan Awam

Bajet 2013 akan terus menggalakkan aktiviti ke arah membolehkan sektor awam memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang diterajui sektor swasta di samping memastikan standard penyampaian perkhidmatan awam berada pada tahap yang tertinggi. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk mentransformasikan sektor awam menjadi organisasi yang memberi tumpuan kepada produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam menyediakan perkhidmatan secara pantas, tepat dan berintegriti. Pelbagai langkah akan diusahakan bagi menambah baik program di dalam institut latihan Kerajaan bagi melahirkan penjawat awam yang berprestasi tinggi. Kerajaan akan terus memperkukuh kedudukan fiskal dengan memperkenalkan pelbagai langkah yang bersesuaian bagi meningkatkan lagi kutipan hasil serta menambah baik keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan awam.

Prospek 2013

Bajet 2013 memperincikan pelbagai langkah dan peruntukan bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat strategik menjadi ekonomi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Mengambil kira prospek pertumbuhan ekonomi global yang semakin baik pada kadar 3.9%, permintaan domestik dijangka terus memacu ekonomi Malaysia melalui rangsangan langkah Bajet 2013. Sehubungan ini, KDNK Malaysia diunjur berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2013. Dengan unjuran ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) nominal per kapita akan meningkat sebanyak 6.4% daripada RM30,956 kepada RM32,947. Dari segi pariti kuasa beli pengguna, pendapatan per kapita bertambah daripada USD15,676 kepada USD16,368. Selaras dengan jangkaan kecergasan aktiviti pelaburan, jurang simpanan pelaburan akan berkurang kepada 7.3% daripada PNK (2012: 7.5%). Penggunaan swasta dan awam yang merupakan, komponen terbesar KDNK benar dijangka terus berkembang 4.2% pada tahun 2013 dan kekal sebagai peneraju permintaan domestik. Pembentukan modal tetap kasar swasta dijangka meningkat 13.3% berikutan pelaksanaan beberapa projek di bawah DTN. Selaras dengan persekitaran luar yang mencabar, eksport barangan dan perkhidmatan diunjur meningkat sebanyak 2.8%, manakala import yang disokong oleh permintaan domestik yang semakin tinggi dianggarkan meningkat pada kadar 3.6%.

Walaupun permintaan agregat semakin meningkat, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan pengembangan ekonomi dari sudut penawaran. Semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dengan sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan perlombongan menerajui pengembangan ekonomi negara. Ekonomi akan terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal rendah di bawah 4%. Dari sudut fiskal, kedudukan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka akan berkurang kepada 4% daripada KDNK pada tahun 2013 dengan kutipan hasil mengatasi pertumbuhan perbelanjaan mengurus. Kerajaan kekal komited untuk mengurangkan lagi paras defisit kepada 3% menjelang tahun 2015.



Program Transformasi Komuniti

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat sejak lima dekad yang lalu telah dicapai melalui dasar makroekonomi yang kukuh serta pelaburan dalam infrastruktur dan modal insan. Perkembangan ekonomi ini telah menyebabkan pembandaran yang pesat, transformasi struktur ekonomi dan pembasmian kemiskinan yang ketara. Di sebalik kejayaan ini, terdapat beberapa isu yang perlu ditangani dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Di kawasan luar bandar, antara isu utama yang mempengaruhi masyarakat ialah aktiviti nilai tambah yang rendah serta peluang pekerjaan dan perniagaan yang kurang. Di kawasan bandar, penduduk terus bergelut dengan beberapa isu antaranya berkaitan dengan perumahan, pengangkutan, kepadatan penduduk tinggi dan kekurangan akses kepada perkhidmatan berkualiti. Kerajaan mengakui cabaran yang hari ini memerlukan pendekatan yang berbeza dan tumpuan kini adalah untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menarik pelaburan swasta, mewujudkan pekerjaan dan aktiviti ekonomi serta meningkatkan kualiti perkhidmatan di kawasan bandar dan luar bandar.

Kerajaan memperkenalkan Program Transformasi Komuniti (CTP) yang bertujuan untuk mendekati secara langsung kepada rakyat dan membolehkan semua masyarakat mendapat manfaat sepenuhnya daripada kekayaan negara. CTP adalah sebahagian daripada Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang berhasrat untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. CTP terdiri daripada dua komponen, iaitu Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Program Transformasi Bandar (UTP).

CARTA 1

Program Transformasi Komuniti

Negara Maju Berpendapatan Tinggi Menjelang 2020





Program Transformasi Luar Bandar

RTP berhasrat untuk mencergaskan semula kawasan luar bandar menjadi kawasan yang maju, menarik, produktif dan selamat. Keadaan ini seterusnya akan menarik pelaburan swasta, mempergiat aktiviti ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan yang disasarkan. Di samping itu, inisiatif ini akan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menggalakkan belia untuk tinggal dan bekerja di kawasan luar bandar. Selaras dengan objektif ini, RTP memberi tumpuan kepada beberapa projek utama, termasuk:

- i. Pembangunan Pangkalan Data Induk RTP yang mengandungi maklumat mengenai isi rumah luar bandar untuk membantu dalam perancangan pembangunan dan pembasmian kemiskinan;
- ii. Penubuhan Majlis Pembangunan Luar Bandar untuk menyelaraskan dan melaksanakan pelbagai program;
- iii. Penubuhan Kampung Abad ke-21 untuk merencanakan aktiviti ekonomi dengan penglibatan sektor awam dan swasta;
- iv. Pelaksanaan Program Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi menyediakan infrastruktur asas yang mencukupi seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air serta perumahan; dan
- v. Penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) sebagai pusat perkhidmatan bersepadu dengan kemudahan untuk pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran produk pertanian; penyediaan perkhidmatan yang berkualiti seperti perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, pendidikan, latihan dan kemahiran, klinik kesihatan serta premis perniagaan runcit.

Antara kemajuan RTP pada tahun 2012 adalah penubuhan RTC di Gopeng, Perak dan Kota Bharu, Kelantan. Untuk melanjutkan liputan perkhidmatan serta peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat, Kerajaan juga menubuhkan beberapa Mini RTC pada tahun 2012. Berikutan sambutan yang menggalakkan dari orang ramai terhadap inisiatif ini, Kerajaan berusaha untuk melancarkan beberapa RTC dan RTC mini baharu di seluruh negara.

Pusat Transformasi Luar Bandar

RTC ditubuhkan di bawah konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada rakyat. Pada asasnya, RTC adalah pusat sehati bersepadu yang menyediakan perkhidmatan yang diperlukan melalui pakatan strategik antara agensi kerajaan dan sektor swasta. Antara inisiatif utama di bawah RTC adalah seperti berikut:

- i. Penubuhan kiosk maklumat 1Malaysia;
- ii. Penggalakan nilai tambah pertanian;
- iii. Pemprosesan makanan agro;
- iv. Pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian;
- v. Kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi;
- vi. Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia; dan
- vii. Penyediaan kemudahan pembiayaan.

Berdasarkan konsep tersebut, pada 18 Februari 2012, Kerajaan telah melancarkan RTC pertama di Gopeng, Perak. Manakala, sebuah lagi RTC di Kota Bharu, Kelantan telah dilancarkan pada 4 Mei 2012 dan beberapa RTC akan dibuka di Melaka, Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan empat Mini RTC di Perak dan enam di Kelantan. Pada akhir Ogos 2012, sejumlah 1,537 peserta telah mendapat manfaat daripada 65 sesi latihan kemahiran dan 4,080 peserta mendapat manfaat daripada lapan seminar. Disamping itu, kira-kira 450 petani telah mengambil bahagian dalam program ladang kontrak dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Penambahbaikan juga telah dibuat kepada 225 produk pertanian melalui aktiviti



penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan. FAMA juga memberi tumpuan dalam menyediakan peluang kepada masyarakat luar bandar untuk melibatkan diri dalam pengeluaran hasil pertanian khusus seperti produk tenusu, sarang burung walit dan pembiakan arowana.

Pada masa yang sama, Bank Simpanan Nasional (BSN) turut menawarkan kursus dan latihan program perbankan tanpa cawangan secara bulanan. Berikutan inisiatif ini, 1,922 pemilik kedai runcit tempatan diberikan lesen untuk beroperasi sebagai ejen perbankan tanpa cawangan BSN. Selain itu, melalui latihan dan bantuan, kira-kira 280 pengeluar telah berjaya memperoleh pensijilan Skim Keselamatan Makanan 1Malaysia (SK1M). SK1M diperkenalkan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana dalam mematuhi Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Di samping itu, klinik perubatan bergerak yang ditempatkan di RTC Gopeng dan RTC Kota Bharu telah menyediakan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada lebih daripada 2,500 orang pesakit.

Program Transformasi Bandar

UTP dilaksanakan untuk menangani isu-isu bandar secara holistik. Antara lain, program ini berhasrat untuk meningkatkan peluang pekerjaan, menyokong pencapaian pendidikan dan latihan kemahiran serta menyediakan pemilikan rumah mampu milik untuk penduduk bandar. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan sambungan pengangkutan di dalam dan luar kawasan bandar serta menyediakan akses yang lebih baik untuk perkhidmatan yang berkualiti. Objektif ini akan dicapai melalui pelbagai inisiatif termasuk:

- i. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang memperinci langkah untuk meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah 40% terendah;
- ii. Program Perumahan Bandar yang bertujuan menyediakan perumahan yang mampu dimiliki dan berkualiti melalui beberapa skim perumahan;
- iii. Program Pengangkutan Bandar yang berhasrat untuk memodenkan sistem pengangkutan melalui inisiatif seperti MY Rapid Transit dan lanjutan sambungan transit aliran ringan; dan
- iv. Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang merupakan pusat sehenti bagi pelbagai perkhidmatan awam dan swasta.

Seiring dengan permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan yang berkualiti dari penduduk bandar, Kerajaan telah memperkenalkan UTC pada tahun 2012. UTC merupakan satu lagi konsep di bawah NBOS, bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan akses lebih luas untuk perkhidmatan awam dan swasta yang berkualiti. Pusat tersebut akan dilengkapi dengan beberapa agensi kerajaan persekutuan dan negeri; sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah satu bumbung. Di samping itu, pusat ini menyediakan peluang bagi usahawan luar bandar untuk menjual produk mereka kepada penduduk bandar dan pelancong.

Pusat Transformasi Bandar

UTC pertama yang telah dilancarkan di Melaka pada 23 Jun 2012 hanya mengambil tempoh masa enam minggu untuk dilaksanakan. Tindakan pantas Kerajaan dalam melaksanakan projek tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan serta selaras dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. UTC Melaka juga menetapkan penanda aras baharu bagi semua projek Kerajaan pada masa hadapan. Selaras dengan objektif penubuhannya, UTC Melaka menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah sepuluh kluster. Kini, UTC Melaka beroperasi dari jam 8.30 pagi sehingga 10.00 malam dan menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada kira-kira 500 orang setiap hari.

Memandangkan keberkesanan UTC Melaka dalam memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat, sebuah lagi UTC ditubuhkan di Kuala Lumpur. UTC Kuala Lumpur di Pudu Sentral telah dilancarkan secara rasmi pada 22 September 2012. Pusat tersebut beroperasi setiap hari termasuk hujung minggu dari 8.30 pagi hingga 10.00 malam.



JADUAL 1

Senarai Agensi di UTC Kuala Lumpur

Inisiatif/Kluster	Agensi
Perkhidmatan Kerajaan	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (kiosk)
Perkhidmatan Kebajikan Sosial dan Pembangunan Masyarakat	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pusat Pungutan Zakat
Perkhidmatan Sumber Manusia dan Latihan Praktikal	Kementerian Sumber Manusia, JobsMalaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat
Perkhidmatan Kesihatan	Klinik 1Malaysia
Perkhidmatan Kewangan	SME Bank, Agrobank, Bank Simpanan Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia
Perkhidmatan Pembangunan Belia	Kementerian Belia dan Sukan, Pusat Belia, Pusat Kecergasan, Gelanggang Futsal
Perkhidmatan Keselamatan	Polis Diraja Malaysia
Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, e-Perolehan
Perkhidmatan NGO	1Malaysia For Youth
Utiliti dan Kemudahan Awam	Pos Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Indah Water Konsortium Sendirian Berhad, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Kedai Buku 1Malaysia, Kafe Siber, Kafeteria, Surau

Hubungkait antara RTC dan UTC

Selain daripada meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada komuniti bandar dan luar bandar, penubuhan RTC dan UTC adalah langkah strategik bagi mengembangkan permintaan untuk produk domestik, terutamanya produk luar bandar. Sebagai contoh, usahawan di kawasan luar bandar yang terlibat dalam program inap desa dan ekopelancongan akan dapat memasarkan perkhidmatan mereka secara langsung kepada penduduk bandar dan pelancong di UTC. Pada masa yang sama, usahawan bandar juga dapat menambah nilai kepada aktiviti ini dengan menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pemasaran serta bimbingan perniagaan dan mentor kepada usahawan di kawasan luar bandar. Potensi untuk kerjasama tersebut adalah tidak terhad dan rakyat berupaya untuk menggunakan sepenuhnya peluang tersebut dalam membantu meningkatkan pendapatan penduduk bandar dan luar bandar.

CARTA 2
Hubungkait antara RTC dan UTC



Kesimpulan

Selaras dengan dasar pertumbuhan Kerajaan yang inklusif dan mampan, komuniti bandar dan luar bandar akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai program di bawah DTN. Selaras dengan itu, CTP berhasrat untuk memperkasa modal insan, meningkatkan peluang ekonomi, menambahbaik kualiti hidup rakyat serta mengurus tadbir bandar dan luar bandar secara efektif dan efisien. Satu unit khas ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan kesemua RTC dan UTC serta memastikan hubungkait yang kukuh antara pusat-pusat ini bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.